

7 - 8 Januari 2025

Grand Hyatt Kuala Lumpur

Ketahui lebih lanjut



mcmc.gov.my/irc2025/index



○ BIL 295 ○ 3 - 9 JANUARI 2025 ○ PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



MINISTRY OF COMMUNICATIONS



IRRC 2025

INTERNATIONAL REGULATORY CONFERENCE



**MALAYSIA
MADANI**
kesejahteraan



Iltizam Wilayah Persekutuan 2025

PEMBAHARUAN DALAM TADBIR URUS

METRA SYAHRIL MOHAMED

PEMBAHARUAN dalam tadbir urus perlu dilaksanakan secara signifikan untuk memastikan kesejahteraan dan kemakmuran yang lebih besar bagi warga Kuala Lumpur, Labuan serta Putrajaya.

Demikian ditegaskan Penyelidik Kehormat di Institut Penyelidikan Asia, Universiti Nottingham Malaysia (UoNARI-M), **Profesor Dr Bridget Welsh** yang mengambil kira kejadian tragis pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail pada Mei serta lubang benam di Jalan Masjid India. Ogos tahun lalu.

Malah beliau turut menarik perhatian kepada masalah bekalan air yang berterusan di Labuan termasuk sistem saluran di Putrajaya.

"Kita mulakan (pemerhatian) kepada aspek penyelenggaraan. Masalah lubang benam memerlukan kajian bebas yang menyeluruh. Untuk 2025, kerajaan perlu menyediakan laporan pakar melibatkan isu-isu lubang benam yang menjadi masalah berterusan di ibu negara sejak 1968.

"Ia dilihat semakin teruk akibat penyelenggaraan yang lemah dan pembangunan berlebihan. Beberapa kawasan cenderung berdepan masalah ini, seperti di Ampang.

"Isu ini boleh ditangani dengan lebih berkesan melalui pemetaan yang betul, pengawasan dalam aspek pembangunan dan mengenal pasti impak perubahan iklim," katanya kepada Wilayahku.

Welsh yang juga bekas Pengerusi Kumpulan Kajian Malaysia, Singapura, Brunei (MSB) turut menyentuh mengenai langkah-langkah untuk meningkatkan Kuala Lumpur sebagai

bandar hijau dan sepatutnya menjadi 'paru-paru hijau' bagi Lembah Klang.

Untuk itu katanya, pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu menjalankan kajian yang betul mengenai teknik penyelenggaraan pokok dalam mendepani isu pokok tumbang di ibu negara.

"Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baharu (Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif) tampil dengan penegasan kelestarian dan menyelamatkan kawasan hijau di ibu negara. Matlamat itu sepatutnya memperluas ruang hijau ini, bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi juga di Labuan dan Putrajaya," katanya.

Dalam aspek infrastruktur pula beliau berkata ia memerlukan perhatian yang serius.

"Jalan raya di Kuala Lumpur tidak diselenggara dengan baik, dengan lopak yang membahayakan pemandu terutamanya penunggang motosikal. Putrajaya dan Labuan mempunyai jalan raya

yang lebih baik tetapi masalah infrastruktur di sana berbeza.

"Labuan masih berdepan isu bekalan air biarpun sudah 40 tahun ia menjadi Wilayah Persekutuan. Janji untuk membina jambatan dan memperbaiki perkhidmatan feri mesti ditunaikan. Putrajaya juga ada isu sistem perpaipan dan saluran.

"Perkhidmatan memerlukan pelaburan dan keutamaan yang tinggi selain perhatian yang lebih melibatkan pelbagai kementerian," katanya.

Melangkau segala isu-isu tersebut jelasnya adalah penting kepada perubahan dalam tadbir

urus dengan meletakkan keutamaan meningkatkan taraf kehidupan penduduk di Wilayah Persekutuan.

"Pemikiran birokrat dalam mentadbir kawasan ini perlu berubah daripada 'kami tahu yang terbaik' kepada 'birokrat yang berkhidmat untuk rakyat Wilayah Persekutuan.'

"Libat urus dengan penduduk kena ditingkatkan. Warga Wilayah Persekutuan seharusnya diberi ruang luas untuk bersuara melibatkan tadbir urus mereka," katanya.

Seperkara lain tegas Welsh adalah isu rasuah yang perlu ditangani secara serius.

Katanya, tuduhan rasuah melibatkan pegawai dan penguat kuasa di ibu negara adalah satu contoh jelas pentingnya satu audit dijalankan menyeluruh terhadap tadbir urus dengan memfokuskan kepada mengurangkan pembaziran, ketirisan dan meningkatkan akauntabiliti.

"Kita juga perlu lihat kepada isu belia. Ketiga-tiga Wilayah Persekutuan ini mempunyai jumlah belia yang besar dan mereka memerlukan sokongan untuk pendidikan dan pembangunan kerjaya.

"Populasi yang semakin tua di Kuala Lumpur juga memerlukan perhatian lebih. Program kebajikan sosial, pendidikan dan kesihatan hendaklah ditingkatkan," katanya.

Akhir sekali katanya adalah usaha untuk membina perpaduan sosial dan hubungan komuniti.

"Ini akan membina pendekatan pembangunan dari bawah, lebih menumpukan kepada manusia yang akan menghasilkan Wilayah Persekutuan yang lebih makmur dan kukuh. Ini akan menjadikan Wilayah Persekutuan lebih berdaya tahan dan lestari pada tahun-tahun yang akan datang," tambahnya. 🇲🇾

Tambah baik pembangunan KL, Putrajaya

PERSATUAN Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) berpandangan pembangunan di Kuala Lumpur dan Putrajaya perlu ditambah baik dan ditingkatkan agar terus menjadi tumpuan pelancong dan berkelas dunia.

Yang Dipertua PKMM Wilayah Persekutuan, **Datuk Amran Mohamad** berkata pembangunan Kuala Lumpur menjadi tumpuan memandangkan bandar raya ini merupakan tumpuan pelancong keenam tertinggi di dunia serta mencatatkan bilangan pelancong lebih 13 juta pada 2023.

Beliau berkata inisiatif yang lebih terancang perlu dilaksanakan di Putrajaya memandangkan ia pusat pentadbiran yang menjadi destinasi pelancongan dengan lebih 250 program acara tahunan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

"Keperluan persekitaran pelancongan dengan pakej-pakej menarik serta menyeronokkan telah ada di Kuala Lumpur serta Putrajaya.

"Penambahan pakej yang ada akan lebih menarik lagi pelancong sedia ada dengan pembangunan kelestarian yang lebih tersusun," katanya.

Menurut Amran, penambahbaikan amat perlu supaya perkhidmatan pembangunan ini menjadi bandar terhebat berkelas dunia.

Katanya, banyak inisiatif kerajaan mengenai bandar pintar dan hijau telah dilaksanakan dan perlu dinilai oleh pihak bertanggungjawab seperti perancangan dan pembinaan bandar yang tersusun, mengintegrasikan alam semula jadi ke dalam perancangan bandar, penggunaan tenaga, penggunaan air serta pelupusan pepejal.

"Penambahbaikan pengurusan trafik yang lebih efisien amat diperlukan di Kuala Lumpur supaya perjalanan trafik lebih lancar pada waktu puncak.

"Usaha itu perlu dilakukan terutama di kawasan tumpuan pelancong seperti di Bukit Bintang dan kawasan sekitarnya.

"Perlunya pengurusan yang lebih efisien terhadap perkhidmatan teksi atau kereta sewa

dengan mengadakan stesen khas di kawasan strategik dan di kompleks beli-belah bersaiz besar.

"Adalah menarik jika reka bentuk kenderaan dan warna teksi ini sama seperti yang ada Eropah," katanya.

Terdahulu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata penambahbaikan berterusan di Wilayah Persekutuan penting untuk memastikan kesinambungan kejayaan hari ini akan terus dinikmati. 🇲🇾



AMRAN



BRIDGET WELSH





KETUA agensi di bawah JWP perlu memastikan agenda pemerkasaan ekonomi dan aspek tatakelola ditingkatkan.

Itizam Wilayah Persekutuan 2025

FOKUS PEMERKASAAN EKONOMI, TATAKELOLA

AZLAN ZAMBRY

ASPEK pemerkasaan tatakelola, pencerdasan ekonomi serta pembangunan produk pelancongan menjadi fokus kepada **Dr Zaliha Mustafa** bagi meningkatkan imej Wilayah Persekutuan tahun ini.

Kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) itu, fokus berkenaan digariskan berikutan Malaysia telah mengambil alih tampuk Kepengerusian ASEAN serta Tahun Melawat Malaysia 2026 sekali gus menandakan detik penting untuk melonjakkan lagi kedudukan negara di rantau ini.

"Untuk 2025, kita perlu melihat kembali usaha sepanjang tahun lalu dan kita akan membuat reviu program dan dasar yang dirancang bersama pada tahun lalu, sama ada berjaya dan dimanakah peringkatnya. Ia akan dibincangkan dengan semua ketua agensi di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP).

"Apa yang dirancang dan lakukan ini haruslah selari dengan apa yang dilakukan secara keseluruhannya oleh Kerajaan Persekutuan. Dan kita tahu pada tahun ini dan 2026, ada dua acara besar akan berlangsung di negara kita, iaitu Kepengerusian ASEAN dan Tahun Melawat Malaysia 2026. Itu akan diberikan penekanan khususnya dari aspek pelancongan kerana ia adalah produk sedia dan bersifat *low hanging* yang boleh dikembangkan lebih luas," katanya kepada Wilayahku selepas melawat Taman Warisan Pertanian di Putrajaya pada Selasa.

Menjelang lanjut, Zaliha berkata, fokus JWP sepanjang tahun ini dilihat akan memberikan kesan secara langsung dan tidak langsung kepada ekonomi negara berikutan dua acara besar yang dilihat mampu menterjemahkan

kepada peningkatan ekonomi negara.

"Kita telahpun mempunyai perancangan dalam beberapa aspek pelancongan, contohnya kita nampak agak ketara sekarang ini adalah pelancongan sukan, ekopelancongan termasuk pelancongan makanan dan ia telah ada dan boleh dikembangkan dengan meluas.

"Dari sudut yang lainnya, sudah tentulah kita hendak melihat kepada rangsangan ekonomi kepada Wilayah Persekutuan ini, juga kita lihat bahawa perlu memberi keselesaan bukan sahaja untuk industri besar, bahkan rakyat terbanyak yang terlibat secara langsung dengan industri kecil ini," katanya.

Tambahnya, JWP turut menggalakkan orang ramai mahupun komuniti peniaga untuk menyertai Program KL Start Up seperti yang dirancang sebelum ini yang turut dilihat akan memberi kesan yang baik kepada ekonomi rakyat.

Menurut Zaliha, pihaknya akan memastikan perancangan pembangunan Residensi MADANI dan Residensi Mampu Milik ini dilaksanakan berikutan ia merupakan hasrat Perdana Menteri yang mahukan lebih ramai warga Wilayah Persekutuan mempunyai kediaman sendiri.

"Kita kena pastikan tahun ini dan akan datang pembangunan residensi dapat dilaksanakan bagi menampung keperluan orang ramai. Selain itu, kita akan perincikan lagi sektor-sektor yang diberikan penekanan untuk tahun ini.

"Kita juga memastikan Program Usaha Jaya Insan (PUJI) diteruskan kerana telah terbukti membantu warga Wilayah Persekutuan yang memerlukan," katanya.

Beliau turut senada dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim

yang kekal memberi fokus terhadap penambahbaikan isu tatakelola pada tahun 2025 bagi memajukan lagi negara dalam konteks memerangi rasuah dan salah guna kuasa.

"Saya bersetuju walau apa pun perancangan, akhirnya ia perlu ada pelaksanaan. Jadi ia perlu kepada tatakelola yang baik dan barulah ia nampak cantik dan boleh berjalan dengan baik seperti yang dikehendaki.

"Misalnya bab tatakelola ini, jika ia tidak dilakukan dengan baik, contohnya saya sebutkan tadi berkenaan pembangunan, kita juga hendak galakkan pembangunan dan ia mempunyai proses yang mesti dilalui seperti kelulusan pembangunan, perintah pembangunan sehinggalah kepada proses pembinaan.

"Sekiranya terdapat ketirisan, ia akhirnya merugikan negara dan dalam konteks Wilayah Persekutuan ini, ia akan menyebabkan banyak program dan projek untuk rakyat terbanyak tergendala," katanya.

Beliau berkata isu berkenaan mempunyai kaitan secara langsung dengan perjalanan dan operasi pentadbiran kerajaan kerana ia melibatkan polisi dan pembangunan yang melibatkan semua pihak khususnya rakyat. Zaliha turut menegaskan bahawa beliau tidak berkompromi dengan apa jua perkara yang berkaitan dengan masalah tatakelola, penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

"Tahun 2024 yang lalu, kita sudah lihat tindakan tegas yang telah diambil kepada individu berkaitan dengan kesalahan rasuah, maka saya tidak akan melindungi mana-mana pihak yang melakukan kesalahan yang sama," katanya.

Labuan berdaya saing

GENAP setahun memegang jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa jelas menunjukkan kesungguhannya dalam memacu semula pembangunan Labuan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan yang berdaya saing meliputi aspek pertumbuhan sosioekonomi, infrastruktur dan kesejahteraan penduduk.

Menurut Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, **Simsudin Sidek**, sepanjang menerajui Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) beliau sentiasa menitikberatkan jalan penyelesaian jangka masa pendek dan panjang mengenai isu gangguan bekalan air dan elektrik yang telah dihadapi oleh penduduk Labuan sejak sekian lama.

"Sejak Dr Zaliha menerajui Wilayah Persekutuan, beliau kerap mengadakan lawatan kerja ke Labuan untuk menyelesaikan isu berbangkit dengan melaksanakan pelbagai usaha termasuk menubuhkan tiga pasukan khas yang memfokuskan kepada pelancongan, pemindahan kargo dan pembangunan infrastruktur termasuk Projek Jambatan (Labuan-Menumbok)," katanya kepada Wilayahku, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Simsudin turut menyifatkan Zaliha bertekad mahu memperkasakan nasib usahawan kecil di pulau ini agar aliran ekonomi tempatan dapat ditingkatkan.

"Antara usaha adalah menerusi Program Usaha Jaya Insan (PUJI) dengan enam komponen utama merangkumi program pendayaupayaan ketua isi rumah yang produktif dalam meningkatkan lantai pendapatan.

"Secara keseluruhannya, saya beranggapan bahawa Labuan kini dalam proses membangun dan mekanisme yang dibawa oleh Dr Zaliha untuk memacu Labuan sememangnya telah menunjukkan hasil meskipun ia masih di tahap permulaan," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), **Dr Jaludin Janteng** berkata, Dr Zaliha harus dipuji kerana beliau sentiasa berusaha untuk memacu pembangunan, ekonomi dan taraf hidup penduduk Labuan.

Katanya, Labuan sebagai sebuah wilayah yang unik dengan potensi besar memerlukan pendekatan strategik yang holistik dan lestari untuk mencapai matlamat sebagai sebuah pulau yang berdaya saing.

"Kerajaan perlu mengambil beberapa langkah penting termasuk memperkasa beberapa inisiatif sedia ada seperti penambahbaikan infrastruktur asas, pemerkasaan sektor pelancongan dan fokus kepada pembangunan ekonomi digital. Namun, kesinambungan usaha tersebut memerlukan koordinasi yang lebih kukuh antara kerajaan pusat, kerajaan negeri dan pihak swasta untuk memastikan manfaat dirasakan secara menyeluruh oleh penduduk di Labuan.

"Berdasarkan kajian yang saya laksanakan, pulau ini harus mempunyai tujuh strategik yang boleh dipertimbangkan, antaranya memperkasakan peranan Labuan sebagai Pusat Kewangan Antarabangsa dengan menawarkan insentif cukai baharu untuk menarik lebih banyak pelabur asing dan meningkatkan daya saing.

"Langkah ini boleh diperkukuh dengan memodenkan perkhidmatan kewangan menggunakan teknologi *blockchain* dan *fintech*, yang selari dengan perkembangan teknologi global," katanya.

Lantik Thaksin mampu bantu

TANGANI ISU SERANTAU

KECOH baru-baru ini dalam kalangan netizen apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melantik bekas Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra sebagai penasihat tidak rasmi kepada Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025.

Segelintir netizen yang menuduh Anwar tidak ada idea bernas kerana melantik bekas banduan itu yang turut menjadi penasihat peribadinya.

Dakwa mereka, lebih ramai yang layak memegang jawatan itu berbanding Thaksin. Katanya, Thaksin bawa imej negatif kerana pernah dipenjarakan berhubung isu rasuah, sekali gus bertentangan dengan prinsip Anwar yang memerangi rasuah.

Sebenarnya, Anwar sudah memikirkan yang terbaik buat negara kita sebelum mengambil keputusan melantik Thaksin.

Pelantikan Thaksin sebagai penasihat tidak rasmi kepada Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 merupakan salah satu usaha melonjak ekonomi dan perkembangan teknologi baharu.

Menurut Anwar yang juga Menteri Kewangan, pelantikan Thaksin juga bertujuan merintis usaha damai di selatan Thailand dan merungkai krisis di Myanmar yang masih meruncing sehingga kini.

"Kepakaran dan jaringan perhubungan meluas yang dimiliki di rantau ini, membolehkan beliau memainkan peranan dan membuka peluang penting buat Malaysia dan ASEAN bagi berdepan cabaran ini dengan penuh yakin dan berkesan.

"Saya dan Thaksin turut bertukar pandangan terkait usaha memperkukuh hubungan persahabatan Malaysia-Thailand dan selaras visi dan persefahaman seperti mana yang saya kongsi bersama Perdana Menteri Thailand, Paetongtarn Shinawatra.

"Kami berkongsi kepercayaan yang sama sejak puluhan tahun lalu, bahawa Malaysia dan Thailand



ANWAR ketika mengadakan pertemuan dengan Thaksin baru-baru ini.

berupaya mencipta pelbagai kejayaan bersama untuk kedua-dua negara dan rantau ini. Insya-Allah, saya dan Thaksin komited untuk merealisasikan hasrat ini," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Anwar ketika mengumumkan pelantikan Thaksin pada 16 Disember lalu menjelaskan, Malaysia memerlukan negarawan seperti Thaksin untuk berkongsi kepakaran serta idea kepada Kepengerusian ASEAN berkenaan isu serantau.

"Saya bersetuju untuk melantik Thaksin sebagai penasihat peribadi saya, membantu Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN bersama pasukan dari negara ASEAN dalam kerangka tidak rasmi.

"Terima kasih kerana Thaksin bersetuju, kerana kita memerlukan manfaat daripada pengalaman seorang negarawan seperti beliau," ujarnya.

Bukan itu sahaja, menurut pemimpin Parti Keadilan Rakyat Perak, Abul Jais Ashfaq Ahmed, tindakan Anwar melantik Thaksin meskipun mungkin dipandang skeptikal oleh sesetengah pihak, ia sebenarnya mencerminkan pendekatan pragmatik dan inklusif Anwar terhadap isu-isu serantau yang memerlukan kerjasama melangkahi batas sempadan geografi 10 buah negara anggota.

"Thaksin, yang pernah menjadi Perdana Menteri Thailand, diakui mempunyai pengalaman luas dalam diplomasi serta ekonomi Asia Tenggara, dianggap sebagai individu yang berwibawa untuk memberikan pandangan strategik yang bernilai kepada ASEAN.

"Dalam konteks Kepengerusian ASEAN, penglibatan tokoh seperti Thaksin dapat membantu memperkukuh kerjasama antara

negara-negara anggota ASEAN, khususnya dalam menghadapi cabaran serantau yang semakin kompleks, termasuk isu-isu perdagangan, pelaburan, keselamatan rentas sempadan dan kesan perubahan iklim.

"Biarpun Thaksin mempunyai isu domestik ketika menjadi Perdana Menteri negara Gajah Putih itu, ia sudah menjadi sejarah negara berkenaan seperti mana yang dialami Anwar yang berjuang sejak 1998 hingga menjadi Perdana Menteri pada November 2022.

"Ramai yang tidak mengetahui kedua-dua pemimpin itu sudah pun menjalin hubungan diplomatik dan peribadi ketika Thaksin dan Anwar dijemput Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono atau SBY pada peluncuran Jurnal Penilaian Strategik di Jakarta pada Julai 2012," katanya.

Kerajaan tidak kaut untung

TERDAPAT segelintir netizen yang bertindak melulu, menuduh kerajaan sentiasa mencari jalan untuk mengaut keuntungan ke atas rakyat.

Isu ini jadi bualan apabila timbulnya salah faham dalam kalangan netizen yang mendakwa kerajaan mula mengenakan lesen berbayar kepada rakyat yang menggunakan media sosial.

Maka, mulalah mereka mendakwa kerajaan hanya pandai menindas rakyat sehingga semua perkara hendak dikenakan bayaran seolah-olah mahu membebaskan rakyat.

Sebelum menyebarkan fitnah memburuk-burukkan kerajaan, rakyat perlu tahu hanya penyedia platform media sosial sahaja

yang perlu mendaftar lesen perkhidmatan masing-masing berikutan penguatkuasaan Lesen Kelas Pemberi Perkhidmatan Aplikasi bermula 1 Januari 2025.

Timbalan Menteri Komunikasi, Teo Nie Ching, turut memuji langkah Telegram dan Tencent (WeChat) yang telah memulakan proses pelesenan yang diperlukan untuk beroperasi di Malaysia.

"Terima kasih kepada Tencent dan Telegram kerana sudi bekerjasama dan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

"Saya harap platform lain akan ikuti langkah mereka kerana jika mereka (penyedia platform) ingin

memberi perkhidmatan di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengunjungi pelakon veteran, Sathia Periasamy atau Sathiya sempena sesi Ziarah MADANI@Finas di Setapak Jaya, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Tidak cukup dengan itu, bagi netizen yang tahu lesen hanya dikenakan ke atas penyedia media sosial pula, mereka tetap mempertikaikan tindakan kerajaan itu.

Tahukah anda, kerajaan bertindak demikian tidak lain tidak bukan, semuanya demi keselamatan rakyat.

Buktinya, baru-baru ini MCMC menerusi sebuah kenyataan

memaklumkan keperluan pelesenan yang berkuat kuasa mulai 1 Januari itu bertujuan meningkatkan keselamatan dalam talian, melindungi pengguna dan memperkukuh kawal selia ke atas penyedia perkhidmatan pesanan Internet dan media sosial.

Ia dirangka untuk mewujudkan persekitaran dalam talian yang dipercayai dan selamat dengan menyeru penyedia perkhidmatan agar melindungi pengguna, khususnya kanak-kanak serta golongan rentan.

Kegagalan mengemukakan permohonan boleh menyebabkan tindakan pengawalseliaan diambil walaupun ia perkara yang mahu dielakkan semua pihak.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

28/12/24 - 12/1/25: Sayembara Lukisan Karya Agung @ GMBB Bukit Bintang

31/12/24 - 5/1/25: New Year Enter (Fun Market) @ Pasar Seni Kuala Lumpur

11-12/1/25: KLPJ Wedding Fair @ KLCC

16/2/25: KL Half Marathon @ Dataran Merdeka Kuala Lumpur



PUTRAJAYA

12/1/25: Program Komuniti Sihat Sejahtera @ Kompleks Kejiranan Presint 11

9/2/25: Putrajaya Inter-Park @ Dataran Putrajaya

15/2/25: Putrajaya Night Race @ Dataran Wawasan



LABUAN

4 - 7/1/25: Tamu Labuan Food 2025 @ Kompleks Ujana Kewangan

9/2/25: Larian Hari Wilayah Persekutuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

26 - 30/7/25: Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWKM: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

ADUN Lantikan ibarat duta rasmi Menteri Besar Pahang

TUGASAN LEBIH BERAT, MENCABAR

Apakah perbezaan utama dalam tugas AL dan ADUN yang dipilih rakyat?

Tugas sebagai ADUN ini sama sahaja, iaitu untuk menjaga rakyat Pahang. Cuma kami ini tiada kawasan spesifik. Namun skop tugas lebih besar kerana kami perlu membantu rakyat seluruh Pahang. Bagi saya, AL umpama duta kepada Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan kami diletakkan terus di bawah seliaan beliau.

Bagaimana YB melihat peranan AL dalam menyokong pentadbiran kerajaan negeri?

Kehadiran AL sangat penting kerana kebanyakan ADUN akan berkhidmat di kawasan masing-masing sahaja. Semasa di dalam sidang DUN, kebanyakan ADUN akan membawa dan membincangkan isu setempat. Berbeza AL kerana kami akan membahaskan isu-isu dasar kerajaan negeri, kerangka dan model pembangunan negeri tanpa terikat dengan tugas kawasan seperti menjaga parit dan longkang.

Dalam masa sama, kami juga perlu menjaga segmen rakyat yang tidak diwakili seperti Orang Asli, bidang perundangan, masalah nelayan dan petani serta aspek pembangunan Islam negeri.

Apakah cabaran terbesar yang dihadapi AL?

Mereka mengatakan bahawa AL tidak perlu sebab sudah ada ADUN yang dipilih. Mereka (pembangkang) lupa apa yang berlaku di Sabah dan Terengganu. Pas melantik AL masing-masing di sana. Di Dewan Negara juga mereka ada wakil. Proses pelantikan juga sama kerana perlu dibawa ke sidang DUN.

AL sangat perlu untuk menonjolkan peranan kerajaan negeri dalam menyentuh isu pentadbiran dan dasar negeri ini di dalam sidang DUN. Pembangkang kebanyakan bercakap berkenaan kawasan masing-masing dan tidak ramai berbahas mengenai isu pentadbiran negeri dalam bidang kuasa kerajaan di peringkat perlembagaan seperti isu agama Islam dan tanah.

Bagaimana YB memastikan bahawa suara dan keperluan rakyat tetap didengar walaupun tidak mempunyai kawasan pilihan raya tertentu?

Peranan ADUN diberikan secara langsung oleh kerajaan negeri. Setiap ADUN ada bidang tugas seperti membangkitkan isu agama, undang-undang, pelaburan dan sosial rakyat serta integrasi kaum. Mereka tidak menjawab bagi pihak kerajaan tetapi mengangkat isu dan masalah.



MOHD FADZLY

MENJADI Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) lantikan Kerajaan Negeri Pahang bukanlah dilihat sebagai YB 'pintu belakang' seperti yang ditohmah sesetengah pihak, bahkan tugasnya jauh lebih mencabar dan perlu mewakili kumpulan etnik tertentu seperti Orang Asli dan kumpulan masyarakat yang lain agar suara mereka didengari.

Sebagai ADUN Lantikan (AL), tugasannya meluas dan tidak terhad kepada kawasan yang diwakili seperti kelaziman wakil rakyat yang dipilih melalui

pilihan raya. Mereka juga diberikan tugas khusus dengan mandat dan restu Menteri Besar ke seluruh pelosok negeri Pahang.

Sebagai AL, **MOHD FADZLY MOHD RAMLI** bertekad menjadikan sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) sebagai platform terbaik untuk menangkis tohmahan pembangkang serta mempertahankan dasar-dasar pro rakyat yang telah dibuat kerajaan negeri. Wartawan Kanan Wilayahku, **AZLAN ZAMBRY** ada ceritanya.



MOHD FADZLY (baris kedua, tengah) bersama kaum Orang Asli yang diwakilinya dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang.

Wujud suara yang menyindir bahawa YB adalah dari pintu belakang, bagaimana penerimaan YB terhadap kata-kata liar tersebut?

Ini adalah sifat talam dua muka sesetengah pihak di Pahang. Mereka perlu cermin muka masing-masing dengan apa yang berlaku di Sabah apabila Pesuruhjaya Pas Sabah dilantik sebagai AL dan Setiausaha Muslimat Pas Kuala Terengganu, yang juga dipilih menjadi AL.

Sehingga kini kita tidak mendengar apa suara mereka, apa peranan dan tugas mereka. Sedangkan AL Pahang telah menggerakkan sidang DUN Pahang baru-baru ini dengan pelbagai isu. Malahan saya turut membangkitkan isu perundangan syariah dan dipersetujui oleh kerajaan negeri untuk dilaksanakan termasuk memperkasakan penguatkuasaan jenayah syariah. Untuk rekod, sebelum kemasukan kami ke sidang DUN Pahang, tiada wakil pembangkang menyentuh mengenai isu ini.

Bagaimana YB bekerjasama dengan ADUN yang dipilih oleh rakyat untuk mencapai matlamat bersama bagi pembangunan Pahang?

Setakat ini memang tiada masalah. Kami selalu turun ke seluruh pelosok Pahang untuk membantu, namun kami sangat menghargai dan memaklumkan ADUN kawasan yang dipilih untuk melaksanakan program bersama-sama demi kepentingan rakyat.

Apakah inisiatif atau projek utama yang telah dilaksanakan oleh YB sebagai AL untuk manfaat rakyat Pahang?

Ada beberapa perkara yang kami ditugaskan untuk membawa masalah rakyat di sidang DUN. Antaranya isu tanah iaitu tanah rezab Melayu, isu permohonan tanah dan subsidi petani. Selain itu, kami turut memperjuangkan isu Orang Asli yang tiada tanah. Kami juga turun membantu kerajaan negeri dalam bencana khususnya banjir baru-baru ini.

Malah sebagai AL kami menjadi penghubung dengan kerajaan pusat terutama Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Pertanian dan

Keterjaminan Makanan, Kementerian Ekonomi, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah; Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan. Ini berkebetulan kerana ia diwakili oleh menteri dari parti-parti yang diwakili oleh AL.

Peranan kami ini terbukti apabila banyak pembangunan dibawa ke Pahang seperti projek pendidikan di Tioman, Kompleks Bomba di Benta, pembanguna di Temerloh, ECRL dan peruntukan besar dari Kementerian Kesihatan iaitu di Hospital Tengku Ampuan Afzan yang telah diumumkan oleh Menteri Kesihatan baru-baru ini.

Bagaimana YB menilai keberkesanan peranan AL dalam sistem politik dan pentadbiran Pahang?

Peranan ini sangat penting kerana kami tiada halangan kawasan yang diwakili. AL bebas untuk ke seluruh negeri Pahang dengan mandat dan restu yang diberikan Menteri Besar.

Alhamdulillah kerajaan negeri juga menerima segala usaha yang diangkat AL untuk membantu rakyat dan mempertimbangkan segala masalah rakyat.


Baru-baru ini pendedahan YB yang ditohmah menjadi kafir bergema di

dalam sidang DUN, apakah mesej yang YB cuba sampaikan?

Ia adalah satu isyarat kepada rakyat apabila agama diguna sebagai perisai untuk menghentam orang yang tidak sehaluan pemikiran dengan mereka, maka tuduhan kafir dan murtad akan dikeluarkan setelah mereka gagal berhujah.

Kalimah murtad dan mengkafirkan orang yang tidak sehaluan di dalam politik bukan boleh dibuat bergurau dan mereka jelas mengakui bahawa kalimah yang diucapkan itu sebagai gurauan sewaktu mengeluarkan tuduhan.

Sebagai orang Islam, perkataan murtad tidak boleh dibuat main kerana ia tidak diajar oleh Rasulullah untuk orang Islam yang lain. Sebenarnya saya yakin inilah kepercayaan sesetengah pengikut parti politik bahawa yang tidak ikut mereka terkeluar dari agama Allah.

Sedangkan baru beberapa hari saya jadi ADUN Parti AMANAH yang sulung di DUN Pahang, saya sudah bawa banyak teguran dan cadangan untuk mengangkat martabat Islam dan syariah di Pahang. Ia jelas berbeza dengan pembangkang kerana isu pelaksanaan undang-undang syariah ini langsung tidak disentuh secara langsung oleh mereka sebelum ini. 

Bantu wujudkan rangka kerja telus

CPS PANTAU PEMBANGUNAN KL

AZLAN ZAMBRY

KUALA Lumpur menggunakan beberapa sistem dan mekanisme yang maju untuk memantau pembangunan bandar dan memastikan akauntabiliti menerusi penggunaan Sistem Perancangan Bandar (CPS) yang memainkan peranan penting dalam membantu pembangunan ibu kota.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata, sistem CPS yang merupakan platform digital bersepadu diuruskan oleh DBKL yang memusatkan data perancangan, menjejaki aktiviti pembangunan dan memastikan pematuhan terhadap peraturan zon dan penggunaan tanah.

"Ia menyediakan pemantauan dan penyelarasan masa nyata merentas jabatan, membuat perancangan proses lebih cekap dan telus.

"Selain itu, DBKL turut menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS) digunakan untuk memantau penggunaan tanah dan perubahan zon, manakala Pusat Sehenti (OSC) memperkemas pembangunan permohonan dan menjejaki kelulusan, memastikan ketelusan untuk semua pihak berkepentingan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam pertemuan dan sesi dialog bersama Pengarah Eksekutif The Colombian Association of Capital Cities, Luz Maria Zapata di ibu negara pada Ahad.

Maimunah berkata, sistem tersebut membantu DBKL mengenal pasti penyelewengan dan memastikan pembangunan sejajar dengannya.

Menurut Maimunah, DBKL menggunakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk mengukur kemajuan dalam bidang seperti perumahan, pengangkutan dan kawasan hijau.

"Semakan tetap Rancangan Tempatan secara lazimnya dilaksanakan setiap lima tahun dan kami pastikan rancangan itu dikemas kini dengan keperluan



MAIMUNAH (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Pengarah Eksekutif The Colombian Association of Capital Cities, Luz Maria Zapata dalam satu pertemuan di ibu negara pada Ahad.

yang berubah-ubah.

"Selain itu, pemantauan alam sekitar, diuruskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi memastikan pematuhan terhadap Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan memastikan ia turut selari dengan piawai kemampanan," katanya.

Beliau berkata, akauntabiliti diperkukuh melalui pelaporan awam, di mana DBKL berkongsi kemas kini tentang pelaksanaan rancangan dan alat seperti portal dalam talian dan talian penting membenarkan rakyat untuk melaporkan ketidakpatuhan.

"Audit bebas dan tindakan penguatkuasaan seterusnya memastikan pematuhan kepada pelan yang diluluskan. Sistem dan proses ini bergerak selari yang

diketahui oleh CPS dan disokong oleh GIS dan OSC sekali gus mewujudkan rangka kerja yang telus dan bertanggungjawab untuk pembangunan bandar di Kuala Lumpur," katanya.

Menurut Datuk Bandar, beliau menyediakan 15 Program Perdana Kuala Lumpur dengan rangka kerja yang bersifat komprehensif untuk menangani cabaran pembangunan bandar di bandar moden.

"Kami memanfaatkan teknologi bandar pintar seperti Urban Digital Twin dan adalah penting untuk membuat perancangan bandar yang berkesan.

"Teknologi ini menggunakan data masa nyata, analitik dan kecerdasan buatan (AI) untuk mensimulasikan penyelesaian bandar, mengoptimalkan

infrastruktur dan meningkatkan proses membuat keputusan," katanya.

Selain itu, beliau menjelaskan pembangunan hijau dan mampan mesti kekal menjadi keutamaan, dengan inisiatif seperti mengembangkan taman poket, menambah baik lorong dan menghubungkan ruang hijau untuk mewujudkan persekitaran bandar yang lebih sihat.

"Peralihan kepada tenaga boleh diperbaharui di bangunan awam dan menuju ke arah bandar sifar sisa adalah penting untuk mengurangkan jejak karbon dan menggalakkan kehidupan mampan," ujarnya.

Beliau berkata, DBKL menerapkan nilai inklusiviti dan kesejahteraan komuniti sebagai

teras kepada usaha perancangan bandar raya.


"Program seperti K2K KL dan Perumahan MADANI menyediakan rumah mampu milik dan meningkatkan kemudahan di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan dapat memupuk kesaksamaan sosial dan kehidupan yang lebih baik," katanya.

Sementara itu, Maimunah berkata, sebagai pihak berkuasa tempatan, DBKL melaksanakan dasar kerajaan dengan menterjemahkannya ke dalam rancangan bandar yang boleh dilaksanakan melalui rangka kerja seperti Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 dan Rancangan Tempatan Kuala Lumpur 2040.

"Pelan-pelan ini yang diwartakan, tertakluk kepada semakan setiap lima tahun. Ia bertujuan untuk menyepadukan objektif sosioekonomi dengan strategi spatial bagi memastikan pertumbuhan seimbang dan mampan, menangani bidang utama seperti perumahan, pengangkutan dan pembangunan infrastruktur," katanya.

Beliau berkata, perancangan spatial Kuala Lumpur mengikut hierarki dan mempunyai pendekatan yang tersusun bermula daripada arahan persekutuan seperti Rancangan Fizikal Negara, yang menyediakan rangka kerja menyeluruh untuk pembangunan bandar di seluruh negara.

"Ini kemudiannya diterjemahkan ke Pelan Struktur Kuala Lumpur, sebuah dokumen strategik yang menggariskan matlamat dan dasar jangka panjang pertumbuhan bandar yang memfokuskan pada kawasan seperti penggunaan tanah, pengangkutan dan kelestarian alam sekitar.

"Akhirnya, Rancangan Tempatan Kuala Lumpur mengoperasikan strategi ini dengan memperincikan secara khusus peraturan zon, peruntukan guna tanah dan garis panduan pembangunan di kawasan yang ditetapkan," katanya. 

Analisis keberkesanan pelan strategik

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melaksanakan kajian separuh penggal terhadap semua Pelan Strategik yang telah dilancarkan sebelum ini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata langkah itu diambil untuk menganalisis dan membuat kajian keberkesanan pelan-pelan strategik tersebut terhadap DBKL dan warga kota amnya.

"Kami ada banyak laporan yang disediakan oleh DBKL, oleh itu saya telah pun berbincang dengan rakan-rakan saya dan salah satu perkara untuk kami fokus kepada tadbir

urus dan melalui satu program perdana yang dilancarkan adalah untuk membuat kajian separuh penggal Pelan Strategik DBKL.

"Menerusi kajian separuh penggal ini, ia bertujuan untuk mengenal pasti pelan-pelan strategik seperti Pelan Kuala Lumpur Low Carbon Society Blueprint 2030 dan Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050, salah satu pertanyaan saya, di manakah kedudukan kita sekarang?"

"Adakah kita telah capai, atau tidak dan kalau tidak mencapai sasaran itu, bagaimanakah kaedah untuk kita capai sasaran tersebut,

malah jika kita tidak boleh capai, kita perlu bertanya mengapa kita tidak boleh mencapai dan sebagainya kerana kita boleh bergerak ke hadapan," katanya kepada media baru-baru ini.

Menjelas lanjut, Maimunah berkata, pihaknya akan fokus terhadap keutamaan yang dicapai menerusi sesi *retreat* pegawai-pegawai DBKL berkenaan dengan tadbir urus adalah untuk mengkaji separuh penggal pelan-pelan strategik DBKL yang telah dilancarkan sebelum ini.

"Dan daripada kaitan pelan-pelan itu atau laporan-laporan ini


dengan program yang kami gubal pada sesi *retreat* tersebut, kami telah gariskan lima fokus dan 15 program perdana yang dirancang untuk dilaksanakan program pada tahun 2025," katanya.

Maimunah berkata, langkah berkenaan juga boleh dikaitkan dengan Belanjawan DBKL 2025 yang telah dibentangkan selain menganalisa maklumat-maklumat yang diperolehi daripada warga kota menerusi portal rasmi Belanjawan DBKL 2025.

"Daripada analisis yang dijalankan dan inilah yang saya rasa kami boleh capai untuk

menjalankan atau melaksanakan program tersebut pada tahun 2025.

"Dan sebab itu ada tindakan dan *outcome* dan laporan ini adalah lebih panjang lagi kerana ia ada *outcome* siapa yang perlu dipertanggungjawabkan dari aspek kajian dan peruntukan yang disediakan, garis masa.

"Kami juga mewujudkan *dashboard* dan *war room* di peringkat pelaksanaan kerana kita telah pun maklumkan kepada warga kota inilah secara khususnya perkara yang kami akan buat secara berfokus untuk dilaksanakan pada tahun 2025," katanya. 

Dana tambahan amat bermakna

PERTUBUHAN Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) menzahirkan kesyukuran berikutan penyaluran dana tambahan yang julung kali diberikan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) sekali gus dapat membantu meningkatkan perkhidmatan untuk pelatih yang terdiri daripada orang kurang upaya (OKU).

Menurut Pengerusi PPDK Petaling, **Zainuddin Amran**, sebelum ini setiap PPDK akan diberikan geran untuk pengurusan sahaja dan menjalankan aktiviti mengikut silibus yang disediakan jabatan.

"Apabila menerima dana tambahan, ia boleh dimanfaatkan untuk banyak perkara. Sebagai contoh di PPDK di bawah kendalian saya, kami akan memanfaatkan dana tersebut untuk menaik taraf tempat itu termasuklah mengecat dan menyelenggara bagi kesejahteraan murid.

"Selain PPDK Petaling, tempat lain juga berdepan isu tidak mempunyai laluan kecemasan dan kami akan gunakan peruntukan ini untuk



ZAINUDDIN menerima mock cheque disampaikan oleh Parang Abai @ Thomas.

membuat tangga bagi membina laluan kecemasan dan pintu tambahan," katanya.

Zainuddin yang memuji pendekatan yang diambil Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa dilihat bertindak sebagai Menteri Besar di kerajaan negeri berikutan peka terhadap keperluan PPDK serta

pelatih.

"Inisiatif ini adalah julung kali dilakukan. Saya melihat ke depan jika dapat peruntukan ini, banyak perkara yang boleh dilaksanakan termasuk penganjuran aktiviti tambahan untuk pelatih," katanya.

Menurut Zainuddin, pihaknya berdepan kekangan dana untuk melaksanakan aktiviti tambahan

yang sememangnya diperlukan untuk meningkatkan keupayaan pelatih.

"Untuk aktiviti tambahan, kita sebagai jawatankuasa perlu mencari dana tambahan. Jika ada tahun depan ini, sekurang-kurangnya RM10,000 pun sudah memadai untuk aktiviti tambahan," katanya.

Beliau berkata PPDK Petaling menempatkan 25 pelatih yang menghadapi masalah autisme serta mempunyai pelajar dari umur dua tahun hingga 40 tahun.

"Apabila ada geran daripada JWP, ia amat membantu PPDK untuk meningkatkan lagi perkhidmatan untuk pelatih kerana sekarang ini agak sukar untuk mendapatkan tajaan.

"Peluang yang diberikan ini dapat membuka mata dan masyarakat dapat melihat dan mengiktiraf PPDK ini kerana ramai yang menyangkakan ia adalah swasta sedangkan ia di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat," katanya.

Tambahnya, inisiatif di bawah Kerajaan MADANI ini yang turut

mengambil kira golongan OKU ini merupakan satu usaha yang murni sebagai satu kewajipan sosial yang bermakna.

Terdahulu, Zaliha berkata JWP memperuntukkan sebanyak RM710,000 yang diagihkan kepada 15 PPDK iaitu 10 di Kuala Lumpur, tiga di Putrajaya dan dua di Labuan sejak Julai lalu.

"Dana berkenaan boleh digunakan untuk pembaikan premis, pembelian peralatan asas dan keperluan terapi pelatih merangkumi penambahbaikan bilik snoezelen serta pembelian alat bantu mengajar seperti komputer, kipas dan penyaman udara.

"Selain itu, keperluan khusus lain seperti kerusi khas untuk pelatih serebrum, alat permainan dan peralatan terapi," katanya pada Majlis Sumbangan Program Pembinaan Komuniti 2024 di PPDK Permata, Brickfields pada Selasa.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Pengarah JWP, (Pengurusan dan Sosio Ekonomi) Datuk Parang Abai @ Thomas.

Program Kem Pembinaan Karakter Generasi MADANI

MANFAAT KEMAHIRAN HIDUP

DIANA AMIR

PROGRAM Kem Pembinaan Karakter Generasi MADANI anjuran Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) yang diadakan baru-baru ini, dilihat mempunyai signifikan tersendiri.

Ia tidak hanya membantu membentuk karakter positif dalam diri pelajar malah mereka turut diajar dengan pelbagai kemahiran hidup yang boleh dimanfaatkan pada masa akan datang.

Menurut salah seorang peserta, **Arie Haqimi Muhd Iman Tonin**, 17, kem tersebut amat berbaloi untuk disertai kerana pelbagai pengajaran dan pembelajaran yang diperoleh sepanjang tiga hari dua malam.

"Pada mulanya kami didedahkan dengan pelbagai jenis ikatan di mana ia boleh digunakan dalam beberapa situasi kecemasan.

"Seterusnya para peserta didedahkan dengan cara untuk terus hidup ketika berada di dalam hutan, sebagai contoh kami diajar untuk mengenali pokok-pokok herba yang boleh dimakan atau tidak, menghidupkan api tanpa menggunakan barang elektronik tetapi dengan hanya menggunakan kayu atau ranting yang terdapat di sekeliling kita dan banyak lagi perkara yang dikongsikan.

"Saya percaya ilmu-ilmu yang diterima ini akan berguna sampai saya tua nanti, tambahan pula saya memang minat dengan aktiviti *outdoor* seperti *hiking*



AKTIVITI kapal terbang terhempas mengajar peserta untuk memberi rawatan kecemasan sekiranya berlaku sebarang insiden di kawasan perumahan mereka.

dan *camping* di mana saya boleh praktikkan semula setiap apa yang diajar," ujar pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Tasik Selatan itu.

Dinobatkan sebagai peserta lelaki terbaik, Arie Haqimi berkata, dia tidak menyangka akan menerima anugerah tersebut kerana semua peserta menunjukkan semangat yang luar biasa.

"Mungkin saya lebih menyerlah kerana saya juga merupakan penghulu sepanjang kem motivasi dan saya gembira serta bersyukur dengan pengiktirafan ini, mungkin bagi sesetengah orang ia sekadar menang tetapi memberi makna yang besar buat diri saya.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada YWP di atas penganjuran kem

motivasi ini kerana ia sangat berbaloi buat generasi muda khususnya dan sekiranya ia diadakan lagi, pastinya saya akan mengambil bahagian," ujarnya.

Sementara itu, **Siti Nur Amalina Nadiyah Md Hafzi**, 16, berkata, kem ini mengajar dirinya untuk lebih berdikari tambahan pula dia tidak mempunyai pengalaman tinggal di sekolah berasrama, jadi pengalaman yang ditimba di sini sangat berharga.

"Sepanjang tiga hari di sini, saya belajar untuk bekerjasama dengan rakan-rakan lain dalam apa pun keadaan kerana bersatu teguh, berceraai roboh.

"Selain itu, di sini juga kesemua peserta perlu berdikari kerana tiada siapa yang akan bantu untuk kejutkan kita daripada tidur, basuhkan pinggan dan sebagainya. Ia juga membantu membentuk karakter yang lebih positif dalam diri setiap pelajar lain," katanya.

Siti Nur Amalina berkata, program ini membantunya dari sudut kepimpinan apabila dia dilantik sebagai penghulu bagi peserta wanita.

"Di sekolah saya seorang pengawas dan kem motivasi sebelum ini juga saya pernah dilantik menjadi ketua, jadi dengan semua pengalaman itu saya gunakan untuk jadi penghulu yang bagus pada program kali ini sekali gus menjadikan saya sebagai pemimpin yang lebih baik untuk masa akan datang. Segala pengalaman yang dirasai di sini amat bermakna.

"Terima kasih kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan YWP di atas penganjuran program ini dan diharapkan ia dapat diteruskan supaya lebih ramai pelajar dapat merasai pengalaman ini," ujarnya.

Terdahulu, seramai 80 pelajar tingkatan empat dari sembilan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) menghadiri Program Kem Pembinaan Karakter Generasi MADANI yang diadakan di Photon Valley Eco Resort, Hulu Langat, Selangor.



ARIE HAQIMI



NUR AMALINA

KU SEMAN KU HUSSAIN

SUATU waktu dulu, pada dekad 1970-an hingga 1990-an misalnya, hujung tahun adalah waktu menukarkan diari. Malah ada yang berkat tutup diari lama, buka diari baharu, maknanya lupakan semua yang pernah berlaku.



PENULIS BEBAS

Kepada banyak orang, diari adalah satu yang amat peribadi sifatnya. Mencuri membaca diari kawan boleh membuatkan kita 'hilang kawan'. Salah satu sebabnya diari bukan sekadar catatan, tetapi tersimpan pelbagai perasaan yang pernah singgah di jiwa pemiliknya.

Sesetengah orang menjadikan diari sebagai ruang melepaskan perasaan - marah atau gembira. Masa yang sama menjadi teman akrab yang sentiasa menadah segala keluhan dan menyimpannya dengan baik pada setiap helaiannya. Sekalipun adakalanya dipijak atau dilempar, tetapi akhirnya terbukti itulah teman yang sentiasa mengingatkan tentang perkara yang telah berlalu.

Survivor Holocaust yang terselamat daripada kekejaman tentera Nazi yang menawan Eropah pada Perang Dunia Kedua, Anne Frank mencatatkan, "Menulis diari adalah cara melarikan diri dari dunia sebenar yang tidak menyenangkan berlaku di depan mata". Dia sebenarnya seperti sudah mati, tetapi hanya ajalnya sahaja yang belum tiba.

Saat-saat yang begitu mendera jiwa dan fizikal dicatatkan satu demi satu, dirakamkan dengan ayat-ayat yang polos tetapi penuh berjiwa. Keadaannya ketika itu penuh trauma, hanya keazaman yang memberi kekuatan kepada Anne Frank untuk mencatat. Sekiranya dia tewas, itulah suaranya kepada yang membaca.

Siapapun tidak menyangka, diari yang amat peribadi itu akhirnya ditatap oleh berjuta pembaca selepas dibukukan dengan judul *Diary of a Young Girl* tahun 1947 dalam bahasa Belanda. Kemudian diterjemah dalam bahasa Inggeris tahun 1952. Diari remaja berusia 16 tahun ketika Holocaust berlaku itu menjadi rakaman sejarah yang penting daripada saksi mata.

Demikian kuasa sebuah diari yang berjasa kepada pemiliknya tatkala berdepan keadaan genting antara hidup dan mati. Catatan dalam



DIARI boleh memuatkan perasaan yang mungkin sukar diungkapkan kepada orang lain. - Gambar hiasan

DIARI BERMULANYA SEJARAH PERIBADI

diari itu menyatakan peristiwa benar yang dialami sebagai mangsa oleh sekumpulan manusia hilangnya rasa keinsanan.

Memang banyak yang menulis buku dan jurnal tentang Holocaust, tetapi tidak banyak yang datang daripada kalangan yang berada dalam lingkaran masa dan keadaan itu. Berbeza Anne Frank, di mana semua itu dirakam pada halaman diari itu adalah mengalir daripada pengalaman yang dialami.

Sebenarnya tulisan ini bukan bertujuan memperkatakan tentang Anne Frank atau buku yang memuatkan catatan diarinya semasa dalam kepungan tentera Nazi. Sebaliknya tentang keberadaan suatu yang bernama diari kepada manusia suatu masa dulu.

Sekarang pun masih ada yang menggunakan diari untuk mencatatkan tentang pelbagai perkara. Cuma bezanya

sudah tidak sebanyak dulu. Semua itu disebabkan diari juga menerima nasib yang sama seperti bahan bercetak lainnya - surat khabar, majalah, kad selamat hari raya dan kad jemputan kahwin.

Sebenarnya diari boleh sahaja memuatkan catatan yang amat berharga, sebagai tempat merakamkan tentang pelbagai peristiwa, pengalaman peribadi, pemikiran dan perasaan yang mungkin sukar diungkapkan kepada orang lain.

Sebagai teman setia, diari mampu menjadi ruang eskapisme saat kita berasa sendirian atau terbeban oleh tekanan hidup. Dengan mengalirkan segala dalam catatan, diari melampirkan rasa yang sihat dan membantu kita untuk meredakan tekanan.

Melalui halaman-halaman diari, seseorang dapat mengenali diri dengan lebih baik, memahami perubahan yang terjadi dalam hidup dan melihat perkembangan dari semasa ke semasa. Diari juga menjadi saksi pertumbuhan dan perubahan dalam kehidupan seseorang seiring beredarnya waktu.

Daripada catatan yang tergores dalamnya, kita dapat melihat betapa jauhnya telah berjalan, betapa banyak pengalaman yang telah mengubah cara pandang dan pola fikir terhadap dunia. Diari menjadi cermin diri yang tidak pernah menipu akan kebenarannya.

Diari juga memberikan kekuatan pada pemiliknya. Membaca kembali catatan-catatan silam adalah melihat jalur kehidupan daripada cermin pandang belakang untuk memastikan jalan yang cerah di depan.

Kita perlu jujur pada diari supaya yang terakam adalah suatu yang benar menjadi pengingat akan segala hal yang pernah kita lakukan, meskipun mungkin pada saat itu kita merasa lemah atau tidak berdaya.

Rempuhan digital telah membuatkan diari fizikal menjadi semakin terpinggir dan dijangka mengalami kepupusan seperti bahan bertulis yang lain. Malah kepada generasi baharu, menulis diari dianggap suatu yang ketinggalan zaman.

Aplikasi media sosial seperti Facebook dan Instagram membolehkan pengguna menyimpan catatan, gambar dan cerita

kehidupan harian mereka secara terus dalam satu platform yang mudah capai. Individu menggunakan platform itu pula boleh berbahagi pengalaman, gambar kenangan dan perasaan mereka.

Sifat yang peribadi pada sebuah diari sudah tidak ada di media sosial. Sekalipun semua catatan di media sosial juga dianggap sebuah diari, tetapi amat terdedah kepada semua orang. Itu bukan lagi sifat diari yang dulunya amat peribadi.

Berbanding diari yang tersimpan secara fizikal dan prinsipnya hanya dapat diakses oleh pemiliknya, sementara catatan-catatan peribadi yang disimpan dalam media sosial boleh diakses oleh pihak lain sekiranya tidak dikendalikan dengan bijak.

Hilangnya suatu yang bersifat peribadi merupakan satu cabaran utama apabila individu menyimpan catatan melalui aplikasi media sosial. Maklumat peribadi yang sensitif atau emosi yang terlalu terbuka kemungkinan terdedah kepada orang lain, termasuk yang tidak diinginkan.

Hal yang demikian menjadikan tradisi menghadihkan diari juga semakin berakhir. Malah banyak yang dikatakan diari fizikal itu bukanlah diari yang sebenar, sebaliknya hanya kalendar dan selebihnya halaman kosong untuk dijadikan ruang catatan.


Sebenarnya sama ada diari fizikal itu terus ada atau sebaliknya bukanlah perkara yang besar. Bagaimanapun sikap kita terhadap diari yang menyimpan catatan harian berupa sejarah peribadi adalah sesuatu yang berdepan kehilangan. Siapa lagi yang menyimpan sejarah peribadi kita kalau bukan dilakukan sendiri - salah satu caranya mencatatkan dalam diari.

Setiap orang harus berbangga mempunyai sejarah peribadi, biarlah kecil di mata orang lain tetapi besar bagi diri pemiliknya. Kita menuju pada kehilangan sejarah peribadi yang lebih besar dan hal itu ditunjukkan dengan sikap kita terhadap catatan harian yang tidak rasmi itu. Anne Frank menjadi besar kerana sebuah diari kecil.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera:
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
 Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



B11295 . 3-9 JANUARI 2025

KOMUNITI MELALU
ANAMANAN SOSIAL

PUJI
PROGRAM USAHA JAYA INSAN

Disokong oleh
**YAYASAN
HASANAH**
Sebuah yayasan milik kerajaan Malaysia
Ekskusi Program
**PEPPER
LABS**

Dapur Digital angkat martabat B40

► 10-11

DARI BIASA MENJADI 'LUAR BIASA'

AINI MAWAWI

Foto: SHUAIB AYOUB

PROJEK Dapur Digital disifatkan sebagai 'penyelamat' **Normah Hamzah**, 46, yang terbelenggu dengan kesempitan hidup sejak sekian lama setelah ditinggal suami.

Berkongsi kisah hibanya kepada Wilayahku, ibu tunggal tujuh anak ini menggalas tanggungjawab besar menyara keluarga serta ibunya yang menghidap penyakit jantung.

Bertahun-tahun hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang dengan menjual nasi lemak di sekitar Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi, dia mengakui pernah beberapa kali berputus asa dalam hidup namun mengenangkan anak-anak membuatnya masih bertahan.

"Pendapatan saya hanya bergantung pada jualan nasi lemak, jika laku semuanya dapatlah RM60, itu belum tolak modal untuk jualan keesokan harinya," ujarnya mengakui mereka sekeluarga sudah biasa mengikat perut serta menjamah nasi kosong.

Tambahnya lagi yang pernah beberapa kali bergelap kerana tidak mampu membayar bil elektrik, Projek Dapur Digital yang disertainya memberi cahaya baharu dalam kehidupannya.

"Alhamdulillah, tiada apa yang saya harapkan melainkan syukur yang tidak terhingga kerana dapat memberikan kehidupan yang lebih baik kepada keluarga selain menanggung perbelanjaan perubatan ibu.

"Setiap kali pulang ke rumah, saya boleh beli barang dapur dan masak untuk kami sekeluarga, perasaan gembira itu luar biasa kerana dapat membawa senyuman kepada anak-anak," luahnya sambil menangis.

Ujarnya, rata-rata usahawan yang ada bersamanya di Dapur Digital terdiri daripada golongan berpendapatan rendah (B40), ibu tunggal dan suri rumah yang tiada sumber pendapatan tetap namun mereka bersatu hati untuk mengubah hidup.

Bagi usahawan **Siti Hajar Amran**, 32, pula jika dahulu, mereka (usahawan) hanya dipandang sebelah mata oleh masyarakat tetapi sejak adanya Projek Dapur Digital, segalanya berubah.

"Sebelum menyertai projek ini, saya buntu bagaimana cara untuk menyara keluarga setelah perniagaan restoran nasi ayam tutup disebabkan pandemik COVID-19. Saya hilang arah dan putus asa. Bagi saya, projek ini adalah sinar baharu dalam hidup saya," ujar ibu tunggal kepada lima orang anak ini.

Tambahnya, tiada lain yang dipinta melainkan ingin berterima kasih yang tidak terhingga atas program yang didukung Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) melalui Program Usaha Jaya Insan (PUJI) ini.

"Saya dapat lihat dan rasa, jika kita (kaum wanita) tiada pendapatan sendiri, ramai yang akan pandang serong, projek ini memberi peluang kepada kelompok kami untuk keluar dari kehidupan biasa menjadi 'luar biasa'," ujarnya terharu.

Bercerita lanjut, Siti Hajar mengakui usahawan Dapur Digital Kerinchi yang disertainya dan rakan-rakan PPR berjaya menjana pendapatan sehingga puluhan ribu ringgit melalui jualan di platform-platform digital.

"Kami di sini menjual juadah yang terdiri daripada pelbagai menu antaranya laksa, nasi ayam, nasi kerabu dan nasi ayam geprek sebagai menu utama Dapur Digital," ujarnya.

Dalam usaha menambah baik perkhidmatan, mereka turut membuka ruang makan di hadapan lokasi Dapur Digital Kerinchi untuk para pelanggan yang ingin datang untuk menjamu selera.

"Biarpun kawasan ini agak sempit, namun kami tetap memberi peluang kepada pelanggan di sekitar PPR Kerinchi untuk menikmati hidangan sambil bersantai di sini," ujarnya.

Terdahulu, selain kerjasama strategik sektor awam-swasta,



Projek Dapur Digital turut mendapat sokongan Kementerian Kewangan melalui Yayasan Hasanah dan Pepper Labs selaku penganjur utama selain UNITAR memperkenalkan 'micro credential' bagi melengkap ekosistem program ini manakala Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pula bertanggungjawab menyediakan ruang untuk Dapur Digital.

Menariknya, usahawan yang terlibat diberi latihan kemahiran memasak dan pengurusan perniagaan daripada cef profesional selain mendapat sijil dari UNITAR.

Turut berkongsi kisah duka, **Nor Azlin Mohd Hanapi**, 46, berkata,

kegagalan dalam perniagaan bersama suami akibat ditipu satu ketika dahulu membawa perubahan mendadak kepada emosi suaminya.

"Dahulu dia ceria, sekarang dia berubah menjadi pendiam. Saya faham, bukan mudah untuknya menerima hakikat tidak lagi mampu memberi kehidupan yang sempurna kepada keluarga. Dulu kami hidup senang, tetapi apabila diuji kami jatuh tersungkur dan pernah satu ketika rasa seperti tidak mampu untuk bangkit kembali.

"Apa yang paling saya sedih, apabila anak-anak teringin makan makanan yang mereka suka, kami tak mampu untuk beli, waktu itu memang rasa kecewa sangat, tetapi saya bersyukur kerana Allah mendengarkan rintihan saya dan lorongkan jalan untuk sertai Dapur Digital ini.

"Sejujurnya, projek ini bukan sahaja memberi peluang kepada kami untuk mengubah hidup tetapi ia juga menemukan kami dengan rakan-rakan yang sentiasa menyokong antara satu sama lain. Kami berkongsi kisah suka dan duka, melalui itu juga kami bangkit menjadi wanita yang berjaya," ujarnya.

TAK MENANG TANGAN

BAGI Projek Dapur Digital PPR Kampung Limau, Bangsar pula, tempahan katering merupakan fokus utama usahawan Dapur


Digital di kawasan tersebut di mana sambutan yang diterima sangat menggalakkan.

Menurut Penyelaras Dapur Digital Kampung Limau, **Suhailah Sharip**, 48, mereka sangat mengalu-alukan penduduk PPR di kawasan tersebut terutamanya ibu tunggal dan suri rumah untuk turut serta menjana pendapatan.

"Peluang sebegini sangatlah bagus dan memberi pendedahan kepada kami sekali gus mengangkat martabat golongan wanita B40. Bukan mudah untuk kita keluar daripada kepompong kemiskinan jika kita tidak berani menahut cabaran.

"Kami di sini bersama-sama mengubah ekonomi keluarga dan saya harap inisiatif ini dapat berkembang dengan jayanya bukan sahaja di Wilayah Persekutuan bahkan ke seluruh negara," ujarnya.

Mengulas lanjut berkenaan Dapur Digital Kampung Limau, Suhailah berkata, menjelang Ramadan yang akan tiba tidak berapa lama lagi, mereka akan mula membuat kuih raya yang ditempah pelanggan.

"Alhamdulillah permintaan yang diterima sangat menggalakkan selain kami juga turut mendapat tempahan daripada agensi kerajaan dan swasta serta orang perseorangan," ujarnya menganggarkan lebih 50,000 tempahan kuih raya yang bakal diterima sempena lebaran akan datang. 



SEBAHAGIAN usahawan Dapur Digital Kerinchi.

Inovasi ekonomi digital



PRABAKARAN ketika perasmian Dapur Digital Intan Baiduri.



LIMA Projek Perumahan Rakyat (PPR) dipilih sebagai projek rintis Dapur Digital yang merupakan inisiatif untuk memperkasa ekonomi golongan berpendapatan rendah (B40) khususnya ibu tunggal dan belia wanita melalui inovasi ekonomi digital.

PPR Wangsa Sari, Wangsa Maju muncul sebagai pusat Dapur Digital yang pertama di Malaysia di mana pelancarannya disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** baru-baru ini.

Menurut Zaliha, projek tersebut akan dikembangkan ke PPR lain pada masa akan datang dan beliau optimis program ini berpotensi besar membebaskan golongan yang memerlukan daripada kitaran kemiskinan melalui kaedah keusahawanan sosial.

“Projek ini disasarkan untuk menjana pendapatan lebih RM1.2 juta dalam tempoh dua tahun dan akan membantu komuniti B40 mengukuhkan ekonomi sekali gus menoktahkan kemiskinan tegar di bawah Program Upaya@PUJI,” ujar beliau.

Sementara itu, Ahli Parlimen Batu, P Prabakaran menyifatkan Projek Dapur Digital Intan Baiduri

merupakan program mampan yang membantu komuniti Parlimen Batu untuk meningkatkan pendapatan bagi kesejahteraan hidup.

“Saya menyokong usaha kerajaan untuk membantu ekonomi rakyat dengan program usahasama kerajaan-swasta ini. Jadi, usahawan perlu menggunakan peluang ini dengan sebaik-baiknya.

“Ini merupakan permulaan yang cerah, baru sahaja dua bulan beroperasi, saya difahamkan mereka sudah pun menjana pendapatan RM20,000. Ia adalah satu pencapaian hebat sekali gus menunjukkan komitmen jitu para usahawan terlibat,” ujarnya ketika ditemui pada perasmian Dapur Digital Intan Baiduri.


Tambah beliau, industri makanan dan minuman (F&B) diyakini sentiasa mendapat tumpuan lebih-lebih lagi jualan secara dalam talian menerusi aplikasi dan media sosial merupakan pilihan yang mudah.

Bagi Ketua Pegawai Eksekutif Pepper Labs Sdn Bhd, **Gevitha Ananda Roe** pula, inisiatif Dapur Digital bukan sahaja membuka peluang pendapatan kepada usahawan bahkan memberi inspirasi kepada ramai masyarakat di luar sana.

“Peserta bukan sahaja dilengkapkan dengan kemahiran tetapi ia juga membolehkan mereka terus maju serta berkembang sebagai usahawan yang berjaya dalam ekonomi makanan digital.

“Ia bukan sahaja meningkatkan kepakaran kulineri tetapi juga memberi keterlihatan yang luas di platform teknologi. Untuk masa akan datang, kita akan lengkapkan Dapur Digital dengan elemen teknologi kecerdasan buatan (AI) seiring dengan zaman kecanggihan teknologi pada masa kini,” ujar beliau pada Sabtu lalu.

Terdahulu, Pepper Labs perusahaan sosial yang menerima peruntukan RM5 juta dalam Belanjawan 2025 telah merancang untuk menubuhkan sejumlah 20 Dapur Digital di seluruh negara pada masa akan datang.

Projek tersebut melibatkan pengubahsuaian lima buah PPR di Kuala Lumpur menjadi Dapur Digital. Pendekatan program tersebut adalah dengan melibatkan usahawan yang menggunakan premis secara bersama untuk menyediakan makanan yang dipesan pelanggan menerusi tiga platform penghantaran makanan. 



5 PPR/PA terlibat

1. PPR Wangsa Sari
2. PPR Kerinchi
3. PPR Kampung Limau
4. PPR Intan Baiduri
5. PA Setapak Jaya 1A

ZALIHA pada Majlis Pelancaran Projek Dapur Digital Wangsa Sari.



RAJA Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah berkenan melawat pameran kraf tangan di Dewan Komuniti Kampung Sungai Lada, Labuan pada 5 November 2024. Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.



RANGKUM DUKA W



DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif pada Majlis Pemakaian Kalung Datuk Bandar Kuala Lumpur ke-15 di Menara DBKL 1 bagi simbolik dan tradisi penerimaan tugas baharunya, majlis disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa. Hadir sama Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Indera Noridah Abdul Rahim.

PEMAIN KL City meraikan kejayaan bersama selepas menjuarai Perlawanan Piala Menteri Wilayah Persekutuan 2024 di antara pasukan Kuala Lumpur City (KL City FC) dengan Negeri Sembilan FC di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur pada 22 April 2024.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa mengambil bahagian dalam sambutan Hari Wilayah Persekutuan di Dataran Putrajaya. Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Indera Noridah Abdul Rahim.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa hadir merasmikan Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Wilayah Persekutuan ke SUKMA XXI Sarawak 2024 dan Pelancaran Logo Baharu Majlis Sukan Wilayah Persekutuan pada 17 Julai 2024.



JENAZAH bekas Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Abdul Taib Mahmud dibawa keluar dari Dewan Syarahan Utama Masjid Negara untuk dibawa ke TUDM Subang bagi diterbangkan pulang ke Sarawak untuk dikebumikan.



PERDANA Menteri merangkap Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Anwar Ibrahim menunjukkan dokumen sebelum dibentangkan di Dewan Syarahan Utama Masjid Negara.

YANG di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah diberi Hormat Diraja oleh Kawalan Kehormatan Utama pada Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-17 di Istana Negara pada 20 Julai 2024. Seri Paduka Baginda berdua diiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim and isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.



MAN SUKA WP 2024



YANG di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Raja Zarith Sofiah berkenan berangkat ke Sambutan Hari Kebangsaan 2024 di Dataran Putrajaya pada 31 Ogos 2024. Turut hadir Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bersama barisan Menteri Kabinet.



SEKITAR Istiadat Keberangkatan Balik Sempena Tamat Tempoh Pemerintahan Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah pada 30 Januari 2024.



(Wilayah Persekutuan), an dalam acara Berjalan Sihat sempena Majlis Perasmian dan Hari Terbuka Putrajaya 2024. na Menteri (Hal Ehwal Agama), etua Pengarah Jabatan Wilayah bdul Rahim.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet di perkarangan Bangunan Perdana Putra pada 27 Februari 2024 sempena lawatan rasmi sehari beliau ke Malaysia.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif merasmikan Pavillion Wilayah Persekutuan (WP) yang menggabungkan ketiga-tiga WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan pada penganjuran 100 tahun Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024.



enteri Kewangan, Datuk Seri kumen Belanjaan 2025 Rakyat pada 18 Oktober 2024.



ANGGOTA mencari dan menyelamatkan melakukan pencarian di lokasi kejadian tanah jerlus yang menyebabkan seorang mangsa terjatuh dan hilang di Masjid India.



DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif hadir merasmikan Sambutan Hari Penguat Kuasa ke-55 di Menara Jabatan Penguatkuasa DBKL pada 3 Oktober 2024.

MTB Park Merinding lokasi pilihan sukan lasak

TEMU TIGA GUA GEOPARK

KHAIRUL IDIN

LABUAN yang lebih dikenali sebagai pulau pelabuhan dalam sektor minyak dan gas di rantau ini juga terkenal dengan keindahan alam, mempunyai budaya setempat yang unik dan sejarah tersendiri.

Banyak mutiara khazanah alam semula jadi yang tersembunyi meskipun pulau itu hanya berkeluasan 91.64 kilometer (km) persegi.

Pulau ini digazetkan sebagai Geopark pada Disember 2021 oleh Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia yang mana jelas membuktikan bahawa Labuan mempunyai banyak potensi pelancongan yang belum diterokai.

Dengan memiliki khazanah alam yang masih terjaga, tidak hairanlah jika Labuan menjadi salah satu lokasi tumpuan para pelancong dalam dan luar terutama pencinta alam semula jadi.

Jika berkunjung ke Labuan dengan rakan untuk melakukan aktiviti riadah atau mendaki sambil menikmati suasana alam semula jadi, pastikan anda meluangkan masa untuk berkunjung ke MTB Park, Kampung Panchur Hitam yang jaraknya hanya mengambil masa 15 minit dari bandar utama.

MTB Park merupakan salah satu kawasan tumpuan sukan lasak yang diusahakan oleh sekumpulan perintis MTB Park Team yang diketuai oleh **Jamil Kario**.

Menurut Jamil, MTB Park sebelum ini hanya hutan belukar Merinding, telah berubah menjadi denai mendaki yang menarik untuk penggemar sukan dan pencari riadah, terutama pada cuti umum dan hujung minggu.

Ujarnya, untuk menjadikan hutan belukar kepada kawasan riadah bukan mudah, namun usaha itu membuahkan hasil menerusi kerjasama yang tidak berbelah bagi oleh ahli-ahlinya yang sentiasa

bersemangat untuk menghidupkan semula kawasan yang pernah ditutup tiga tahun lalu akibat pandemik COVID-19.

"Pasukan MTB Park memulakan usaha untuk mengubah wajah hutan terbiar ini menjadi lokasi wajib dikunjungi bermula Januari tahun 2021 tetapi terhenti beberapa bulan selepas COVID-19 meningkat dengan mendadak.

"Tetapi selepas Labuan melangkah ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang membenarkan sukan rekreasi diadakan, pasukan kami meneruskan usaha untuk menghidupkan semula tempat ini dengan membina semula trek jalanan dan membersihkan semak samun.

"Dan kini, hutan belukar Merinding dikenali secara meluas sebagai MTB Park dengan laluan ulang-alik sejauh 6.8km.

"Usaha untuk mengubah landskap hutan belukar Merinding menjadi denai untuk mendaki, berlari dan berbasikal dilakukan kerana minat kami dalam sukan lasak.

"Kami gembira dengan pembinaan laluan itu tanpa mengharapkan ganjaran dan hanya menggunakan kaedah manual iaitu cangkul, penyodok dan mesin pemotong kayu 'chain saw' kini memberi manfaat kepada orang ramai khususnya penduduk Labuan," ujarnya ketika ditemui Wilayahku, baru-baru ini.

GUA SEBAGAI WARISAN NEGARA

BERCERITA dengan lebih lanjut, Jamil turut menceritakan pada sekitar Jun 2021, pihaknya sedang melakukan pencarian denai baharu memandangkan kawasan itu masih belum diterokai.

Ujarnya, setelah penemuan

ketiga-tiga gua itu, mulanya mereka tidak membuat sebarang hebahan kerana tidak mahu berlakunya sebarang pencerobohan yang boleh membahayakan gua itu yang belum diterokai dan berpotensi untuk dijadikan warisan negara.

"Semasa kajian dijalankan, kami menemukan kawasan berongga, air terjun dan sejenis buluh jarang dijumpai yang tumbuh berhampiran gua," katanya.

Tambahnya, gua itu dianggarkan telah wujud sejak Perang Dunia II, askar Jepun yang terkorban berkemungkinan menggunakannya sebagai tempat persembunyian.

"Selepas masuk dan mendaki melalui gua pertama, kami dapati ia berkeluasan kira-kira 80 kaki (24 meter) panjang dan 40 kaki (12 meter) tinggi.

"Ketiga-tiga gua itu dihuni beribu-ribu kelawar yang bergayut pada bumbung gua dan sebaik sahaja


memasuki ke dalamnya, anda perlu meranduk air setinggi beberapa kaki air," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Kampung Pohon Batu, Haryadi Omar menyifatkan penemuan khazanah alam yang bernilai itu memberikan kelebihan kepada pulau itu.

Ujarnya, dia telah berbincang dengan pihak Perbadanan Labuan untuk mengadakan mesyuarat bersama Jawatankuasa Pemandu Geopark Kebangsaan mengenai kemungkinan mengiktiraf gua itu

sebagai tapak geopark kebangsaan.

"Kita ucapkan ribuan terima kasih kepada pasukan MTB Park yang telah menemu dan mengusahakan Bukit Merinding ini sebagai satu kawasan sukan ekstrem dan lasak.

"Saya yakin dengan penemuan gua geopark ini akan memberikan satu kelebihan bukan sahaja kepada penduduk malahan menjadi salah satu produk pelancongan yang boleh dipromosikan seterusnya dapat meningkatkan kunjungan pelancong ke Labuan," ujarnya. 





'KITA ADA FORMULA TERBAIK UNTUK PENDIDIKAN'

Apa Dr Maszlee buat ketika ini?

Sekarang banyak bantu PMX (Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim) dalam isu-isu membabitkan umat Islam global melalui Institut Antarabangsa Pengajian Lanjutan Islam (IAIS). Saya juga banyak buat kerja politik melalui PKR, cuma saya tak reti (tak tahu) bikin kecoh. Saya masih Ketua Cabang PKR Simpang Renggam.

Perkembangan semasa Dr dan pengalaman menerajui KPM?

Kadang-kadang kita akan lebih dekat dan lebih rapat mengaitkan diri kita dengan seseorang yang berada di umum, apabila kita rasa boleh kaitkan kepada mereka. Mungkin kelemahan saya, saya bukan orang yang hebat.

Saya hanya pensyarah biasa, lingkungan saya ramai cikgu, pendidikan.

Pada 2018 untuk mengepalai KPM, itu semua (lingkungan hidup) geng saya.

Apa jua keprihatinan mereka terhadap anak-anak sekolah, ia keprihatinan saya juga. Macam anak-anak saya juga, saya pernah hidup di UK, balik ke sini, bagaimana anak-anak saya dapat di UK dulu (dalam sektor pendidikan), saya mahu yang sama di sini. Macam mana mereka lalu, saya nak murid di negara ini lalu. Sama ada anak-anak biasa, kampung, miskin, orang kurang upaya (OKU), saya nak mereka dapat kualiti macam itu (terbaik sistem pendidikan di UK).

Dulu isteri saya pernah mengajar di sana, jika (guru-guru) tak disibukkan dengan beban perkeranian, kerja-kerja *filming*, mereka boleh tumpukan untuk mendidik anak-anak. Inilah waktu untuk kita bawa aspirasi di sini dan kebetulan dikongsi semua.

Saya bahasakan diri saya pakcik dengan budak-budak (murid sekolah). Bila kita jumpa cikgu-cikgu, kita hargai mereka. Bila di universiti, ini macam anak-anak saya. Bila mereka hilang orang yang boleh

PERNAH mengemudai Kementerian Pendidikan (KPM) dari 2018 sehingga 2020, **DR MASZLEE MALIK** kini semakin mengerti 'sepak terajang' dunia politik, terutama selepas tewas dalam perebutan kerusi Parlimen Simpang Renggam pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Namun di sebalik semuanya itu, ramai masih terkesan dengan 'kehilangannya' di KPM dengan idea-idea termasuk idea daripada pasukan kementerian yang menjangkau pemikiran di luar kotak.

Paling mendapat perhatian ramai ibu bapa adalah ideanya menukar penggunaan kasut hitam kepada anak-anak sekolah di samping menginjak jadual peperiksaan utama kepada Oktober bagi mengelak pertembungan bencana banjir.

Dalam temu bual di PADU PODCAST baru-baru ini, beliau turut berkongsi beberapa idea yang tidak sempat dilaksanakan bersama seluruh pasukan di KPM sebelum ini selain bercerita mengenai bidang seni tempatan.

bercakap isi hati mereka, libatkan mereka dalam polisi. Bila dah tak ada watak sebegini, siapa lagi nak dengar (suara mereka).

Baru-baru ini kecoh pasal pelaksanaan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kerana musim banjir. Mungkin ketika Dr dahulu turut melaluinya?

Banjir ini benda yang selalu berlaku. Kita sepatutnya kena tahu bahawa ada sesetengah kawasan, terutama Pantai Timur. Berulang-ulang setiap tahun, takkan kita tak boleh buat sesuatu? Di waktu itu (semasa di KPM) di bawah Lembaga Peperiksaan, ramai pegawai yang kreatif, ramai dah pencen. Jadi Haji Azman (Pengarah Lembaga Peperiksaan ketika itu), dia kata Dr berani tak, SPM dibahagi kepada dua komponen, periksa yang boleh didahulukan dan periksa yang boleh ditarik ke depan. Ada beberapa komponen macam subjek tertentu seperti IGCSE (Sijil Am Antarabangsa Pendidikan Menengah) kita buat pada Oktober.

Saya teringat peperiksaan macam yang boleh diambil pada Disember, saya tanya ada akta atau dasar? Haji Azman kata tiada, ini takwim. Jadi pada 2019 kita tarik (jadual peperiksaan) ke depan (Oktober). Sepatutnya diadakan hujung Disember tetapi (dapat) dilakukan pada Oktober. Jadi sesetengah subjek sudah selesai dan boleh elakkan musim tengkujuh.

Ia boleh dilakukan tetapi

mungkin selepas itu datangnya COVID-19 dan berubahnya kerajaan, pelaksanaannya hilang. Baru-baru ini ada yang cunghil semula (pelaksanaan ujian pada Oktober) di laman X, saya balas semula dan kata itu cerita lama, cuma kalau ada kebaikannya, boleh dilaksanakan.

Pada 2019 kita juga pernah merencanakan untuk menukar tarikh mula persekolahan, bukan pada Januari. Kita cadang nak ikut (sistem) seluruh dunia, (iaitu) September. Sebab universiti juga mula (pengajian) pada September, jadi boleh diselarikan.

Kita ada kajian dasar, ia perlu datang dalam bentuk perubahan secara holistik, perubahan kurikulum dan pendidikan. Menurut laporan Jawatankuasa Kajian Dasar yang telah dipersetujui Perdana Menteri (ketika itu), sepatutnya dibawa ke Kabinet dan dilaksanakan pada 2021. Kita nak mula pada September, ada sistem modular, ada sistem peperiksaan untuk masuk ke universiti dalam semua aliran, penggunaan data raya dan kecerdasan buatan (AI) dalam potensi anak-anak murid.

Ini dikatakan *new education* modul (modul baharu pendidikan), sepatutnya (dilaksanakan) pada 2021. Jika Kerajaan MADANI ingin melaksanakannya, boleh kembali kepada kajian dasar itu.

Tak ada timbulkah satu kerjasama (KPM) dengan mantan (menteri)?

Supaya tidak timbul sebagai

berlaku lima tahun sebelumnya, walaupun kita buat apa yang mereka perlukan, termasuk tutup tapak pelupusan sampah. Itu tak cukup kerana menjelang pilihan raya, ada beberapa seni politik yang saya tak faham. Lima tahun susah sangat nak ingat, pada malam pilihan raya, itu seni yang saya tak khatam lagi.

Saya agak terkejut, saya pergi ke kampung-kampung, jadi bila nak pilihan raya, rumah yang saya pergi dahulu, sudah jadi bilik gerakan parti lawan.

Stigma menjelang pilihan raya dimainkan (isu) perkauman. Tak mengapalah, benda dah lepas.

Apa harapan Dr untuk negara?

Supaya dapat jadi lebih baik daripada sebelum ini, dan insya-Allah di bawah pimpinan PMX (Anwar) dan Kerajaan Perpaduan, kita boleh melakukannya bagi rakyat, kita kena banyak membaca dan berfikir. Tak boleh sekadar mendengar apa orang kata dan mengikut buta-buta dari apa yang kita lihat terutama di media sosial, kita kena berfikir dan banyak membaca.

Jadikan diri kita bermanfaat untuk kehidupan masyarakat sekeliling, bukan sekadar untuk kita dan keluarga. 🗣️

menyibuk, saya kena pandai bawa diri. Tetapi kalau ada orang tanya, saya boleh kongsikannya.

PRU15, bagaimana boleh tak menang?

Kita ada analisis sendiri, politik dan sosiopsikologi. Pengundi di kerusi Parlimen Simpang Renggam ini pelbagai, ada yang duduk di luar, ada yang bekerja di Singapura, sebahagian besarnya menetap di situ. Setiap tahun saya keluaran kad laporan Ahli Parlimen Simpang Renggam, itu laporan saya kepada pengundi.

Dari segi peruntukan, sekian banyak diberi begini, begini. Itu telus dan ada laporannya. Tetapi ketika hari pilihan raya, apa yang



Bermula dengan modal RM10,000

MAMPU BUKA 56 CAWANGAN

AINI MAWAWI

PERKEMBANGAN teknologi serta akses Internet yang tiada sempadan telah banyak mengubah kehidupan seharian manusia. Malah, saat ini kita dapat menyaksikan ramai yang memilih untuk aktif dalam dunia maya dengan menghabiskan masa berjam-jam menghadap skrin gajet.

Generasi Z (Gen Z) tidak terkecuali terpengaruh dengan situasi ini serta cenderung untuk melayari aplikasi sosial saban waktu. Jika tidak dibendung, ia boleh menjadi pencetus kepada ketagihan penggunaan media sosial seperti yang kita lihat pada hari ini.

Menyedari perkara itu, Muezza Education Group Sdn Bhd terpanggil untuk merangka program yang dikenali sebagai Program Muezza Development untuk membentuk karakter positif kanak-kanak melalui medium sukan sekali gus mengurangkan ketagihan gajet dalam kalangan anak muda.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Anas Izuan Azmi**, program yang dinamakan sebagai akademi ini membuka peluang kepada peserta berumur 4 hingga 18 tahun untuk mendalami program memanah, berkuda, renang dan bola sepak.

"Peserta yang mengikuti program di akademi akan mengikuti kelas bulanan bermodul yang sistematik. Mereka yang berpotensi akan diketengahkan ke peringkat lebih tinggi seperti daerah atau negeri," ujar beliau kepada Wilayahku.

Mengulas lanjut, Anas berkata

perniagaan yang dijalankan selama tempoh dua tahun lima bulan ini merupakan bisnes yang sangat relevan memandangkan ia berbentuk pendidikan serta membawa manfaat kepada sesiapa sahaja.

"Pada permulaan, kita hanya bermodalkan RM10,000 dan mengembangkan perniagaan menggunakan aliran tunai sahaja. Alhamdulillah berkat kesabaran, dalam tempoh dua tahun lebih ini, Muezza sudah mempunyai 56 cawangan selain 33 rakan niaga.

"Insya-Allah untuk tahun 2025 ini, kami menyasarkan 100 cawangan Muezza di seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak," ujarnya pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama rakan niaga baru-baru ini.

Katanya, syarikat yang ditubuhkan itu mempunyai hala tuju yang besar untuk jangka masa pendek dan panjang.

"Muezza Education Group Sdn Bhd juga diuruskan dengan gaya korporat di mana kami mempunyai organisasi lengkap yang menguruskan sesuatu jabatan," katanya.

Menyentuh tentang selok-belok dunia perniagaan, beliau berkata, 50 cawangan dibuka menggunakan modal sendiri manakala enam cawangan pula adalah peluang yang diberikan kepada rakan niaga.

"Setelah benar-benar yakin dengan enam rakan niaga barulah kami membuka peluang kepada rakan niaga lain secara besar-besaran. Kini, seramai 33 rakan niaga menyatakan minat untuk

menyertai serta memberi komitmen sepenuhnya.

"MoU diadakan hari ini untuk memenuhi beberapa tujuan, seperti penjelasan berkenaan niat dan harapan, mengeratkan lagi hubungan, mewujudkan rangka kerja bersama, menyediakan asas untuk perjanjian di masa depan, memastikan komunikasi yang jelas, membina kepercayaan, menyediakan rekod perjanjian dan membantu membuat keputusan dan perancangan yang lebih jelas," ujarnya.

Muezza mengorak langkah dalam meningkatkan reputasi penjenamaan dengan menjalinkan kerjasama dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

"MoU antara Muezza dan UiTM


akan melibatkan kerjasama dari sudut pembangunan modul pelajar di Muezza. Tempoh perjanjian kerjasama ini adalah untuk tempoh tiga tahun bermula April 2023," katanya.

Berkongsi pengalaman tentang peserta, beliau berkata Muezza pernah mendidik salah seorang peserta dalam aktiviti memanah dan kesannya dia menjadi seorang yang fokus dalam pelajaran.

"Saya dapat panggilan daripada guru pelajar tersebut yang meminta untuk membuka kelas memanah di sekolah kerana pelajar tersebut berubah sejurus menyertai program memanah. Itu antara maklum balas yang saya kira sangat menggembirakan.

"Setiap peserta bukan

sahaja belajar memanah semata-mata tetapi di studio memanah Muezza turut dilengkapi gimnasium dan sebagainya selain untuk satu-satu sesi kita memberi fokus kepada lima hingga ke tujuh orang peserta sahaja."

ujarnya yuran yang dikenakan juga amatlah berpatutan. 



PESERTA yang berpotensi akan diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.

Guna kemahiran jana pendapatan

SEBUAH perusahaan sosial bernama Komuniti Tukang Jahit (KTJ) terletak di pinggir bandar Ampang sedang mengubah kehidupan wanita dalam kalangan golongan berpendapatan rendah (B40) termasuk suri rumah dan ibu tunggal yang menggunakan kemahiran menjahit mereka untuk menjana pendapatan dan mencapai kebebasan kewangan.

KTJ berperanan memperkasakan golongan wanita ini, produknya terdiri daripada barangan seperti lanyard (tali penyandang), pemegang kad nama, lengan baju hingga kepada produk kompleks seperti kantung (beg penyimpanan) komputer riba dan barangan korporat, ia adalah sesuatu yang menakjubkan apabila produk mereka berjaya menembusi pasaran global.

Usaha KTJ dilakukan pengasasnya, **Yap Sue Yii**, 32, yang menubuhkannya pada 2018, harus diberi pujian, kini ia mempunyai seramai 340 wanita daripada



SUE YII menunjukkan produk yang dihasilkan persatuannya di Ampang.

lima wanita sahaja apabila ia baru bermula sebelum ini.

Sue Yii memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif KTJ berkata beliau memperkasakan wanita berpendapatan rendah dengan

memberi mereka peluang untuk memperoleh pendapatan menerusi jahitan, semuanya dijalankan dengan selesa di rumah mereka.

Inisiatif ini membolehkan wanita golongan B40 menambah

pendapatan isi rumah, pada masa sama mengimbangi tanggungjawab keluarga.

Ibunya, Ng Yin Mei, seorang suri rumah berusia 65 tahun menjadi inspirasi kepadanya untuk menubuhkan KTJ, Sue Yii memberitahu bahawa ibunya adalah seorang yang berdedikasi dan aktif bekerja, ia telah meninggalkan kesan mendalam kepada dirinya.

"Ibu saya sangat *hands-on* dan suka melakukan projek sendiri dan kerap membawa saya untuk melakukan kerja amal ketika saya muda dulu.

"Jadi, saya sentiasa mendapat inspirasi daripada beliau," kata Sue Yii semasa majlis meraikan ulang tahun kelima KTJ.

Melihat potensi daripada apa yang ibunya lakukan untuk membantu wanita lain menambah pendapatan mereka, beliau sedar boleh mewujudkan peluang untuk golongan ini yang mesra dipanggil kakak untuk menambah pendapatan

sambil menguruskan kerja rumah mereka.

Pada terasnya, misi KTJ adalah mudah iaitu memperkasakan wanita dengan memberi cara untuk menyumbang secara kewangan kepada keluarga tanpa mengabaikan peranan mereka di rumah.

Beliau memberi tumpuan untuk memanfaatkan kemahiran menjahit yang sudah dimiliki oleh ramai wanita.

"Apabila KTJ bermula, kami tidak tahu apa yang kami mahu lakukan. Tetapi sejak awal, kami tahu, kami mahu memperkasakan komuniti B40.

"Kami menyedari mereka (tukang jahit dan golongan wanita) mempunyai kemahiran menjahit, jadi kami memutuskan untuk mendapatkan tempahan korporat untuk mereka, meningkatkan kemahiran mereka dan menyediakan latihan yang betul," katanya. - **BERNAMA**

BERDEPAN 2 TAHUN TERAKHIR

ZULKIFLI SULONG

MINGGU ini kita melabuhkan tirai 2024 dan menyambut kedatangan 2025. Ia juga bermakna Kerajaan Malaysia MADANI akan memasuki tahun keempat selepas menang Pilihan Raya Umum (PRU) pada November 2022 lalu.

Jelas, kerajaan ini berada di dua tahun terakhir selepas tiga tahun pertamanya dengan pilihan raya umum dijangka akan diadakan pada tahun 2026 nanti.

Kalau pada tiga tahun pertama, kerajaan memberikan tumpuan kepada pembedahan kepada sistem yang ada serta mengemaskan pentadbirannya, tahun 2025 dan 2026 adalah tahun di mana kerajaan perlu menjaga hati rakyat.

Pada tahun pertama, iaitu kira-kira sebulan setengah sahaja,

kerajaan ini berada dalam *mood* festival, meraikan kemenangan dan pembentukan kerajaan baharu.

Pada masa ini, tidak banyak yang boleh dilakukan selain daripada membuat pelantikan-pelantikan untuk memastikan jentera kerajaan bergerak dengan baik. Oleh itu, tidak banyak masalah yang dibangkit oleh rakyat terutama di zaman media sosial ini.

Namun pada tahun kedua dan ketiga (2023 dan 2024), kerajaan mula mendapat tekanan daripada rakyat khususnya pembangkang. Apa sahaja yang berlaku, ia akan diberi naratif pelbagai pihak khususnya pembangkang. Maklumlah, pemimpin dan penyokong kerajaan sibuk mentadbir, manakala pembangkang pula kena mengkritik dan memberikan naratif negatif terhadap apa sahaja yang berlaku.

Sebab itu, pada tahun 2023 dan awal 2024, imej kerajaan agak buruk di mata rakyat. Rating Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim juga tentu negatif.

Ia berubah menjelang akhir tahun 2024. Pada suku ketiga dan keempat tahun 2024, apa yang dilakukan kerajaan mula menampilkan hasilnya. Atas sebab itulah rating yang diberikan kepada kerajaan khususnya PM kelihatan positif.

Rating Anwar sebagai PM terus meningkat kepada 54 peratus ketimbang 50 peratus, tahun lalu.

Tinjauan Merdeka Center awal Disember 2024 berhubung kadar penilaian prestasi menunjukkan majoriti pengundi Malaysia memberikan Anwar penilaian positif dan berpuas hati dengan segala hasil kerja beliau dalam menarik pelaburan, memperbaiki imej



NAMA Malaysia mencanak naik di mata dunia pada tahun 2024. - Gambar hiasan

negara dan memperkukuh perkhidmatan awam.

“Secara keseluruhan, pengundi berpuas hati dengan prestasi PM dalam pelbagai bidang seperti menarik pelaburan, memperbaiki imej negara dan memperkukuh perkhidmatan awam.

“Namun, mereka memberikan pandangan pelbagai terhadap usaha mengukuhkan ekonomi,” menurut kenyataan Merdeka Center.

Nama Malaysia mencanak naik di mata dunia pada tahun 2024 terutama di dunia Islam. Ini hasil dari kerja buat yang dilakukan Anwar di seluruh dunia.

Bagi pengkaji politik, sejarah hubungan antarabangsa Anwar telah memberikan sumbangan besar kenapa Malaysia sebuah negara kecil menjadi besar di mata dunia.

“Dan yang menariknya, peranan Anwar telah memberikan impak yang besar kepada dunia Islam dan juga untuk kepentingan Malaysia.

“Sebab itu, kita merekodkan kejayaan demi kejayaan di peringkat hubungan antarabangsa termasuk hubungan dagang.

“Walaupun Malaysia ini negara kecil tetapi hasil yang dibuat Anwar di pentas antarabangsa telah memberikan manfaat besar kepada negara,” kata CEO International

Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS), Dr Syed Azman Ahmad Nawawi.

Malaysia juga berjaya membawa pelaburan besar sepanjang 2024 menyebabkan rakyat memberikan keyakinan kepada kerajaan. Malaysia menjadi pilihan pelabur asing untuk tahun 2024.

Menurut Reuters, lima faktor menjadi punca Malaysia mempamerkan prestasi memberangsangkan di pasaran modal Asia Tenggara.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat: KDNK suku kedua 2024 negara mencatat pertumbuhan 5.9 peratus. Kita dalam landasan tepat untuk mencapai, malah melebihi sasaran pertumbuhan 4 hingga 5 peratus untuk tahun 2024.

Strategi polisi Bank Negara Malaysia (BNM) berhasil: Berbeza polisi bank pusat negara Asia Tenggara lain yang lebih reaktif, BNM memilih untuk mengekalkan kadar faedah pada tiga peratus. Ini membuatkan ringgit naik dan bon-bon terbitan Malaysia menarik apabila Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Fed) merancang untuk memotong kadar faedah lagi pada September nanti.

Ringgit mengukuh: Polisi BNM yang fokus kepada keseimbangan pertumbuhan vs inflasi

memberi faedah kepada ringgit dalam jangka masa panjang.

Kenaikan aliran masuk modal asing: Pada tahun 2024, pasaran bon Malaysia telah menarik aliran masuk AS\$75 bilion dari pelabur asing. Bursa Malaysia pula baru mencatatkan paras tertinggi dalam tempoh hampir empat tahun pada minggu ini.

Kestabilan politik: Berbanding Thailand dan Indonesia, keadaan politik di Malaysia lebih stabil, membuatkan pelabur asing beralih ke Malaysia untuk destinasi pelaburan yang ‘selamat’.

Dengan rekod baik di tahun 2024 terutama di suku ketiga dan keempatnya, kita kini melangkah ke tahun 2025. Kita yakin momentum baik ini akan terus kekal dan memberikan lebih manfaat untuk rakyat dan negara ini sepanjang tahun 2025 ini.

Tambahan pula, kerajaan tentu merangka strategi ampuh untuk berdepan dua tahun terakhir dalam penggal ini bagi memastikan parti kerajaan dan Anwar kekal untuk mentadbir negara bagi penggal kedua selepas PRU 16 nanti.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

Kian kondusif



GERAI yang bersih, selesa dengan persekitaran kondusif di samping layanan baik serta makanan enak merupakan tarikan utama pengunjung datang menjamu selera.

Di Wilayah Persekutuan, terutama di Kuala Lumpur, usaha dilakukan dari semasa ke semasa menambah baik premis niaga agar mampu menarik seramai mungkin pelanggan.

Kerana itu kawan-kawan Kedai Kopi menyambut baik dan mengucapkan tahniah kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang terus berusaha menyusun semula penjaja di ibu kota, termasuk

pemegang lesen KL MADANI. Ini untuk memastikan mereka dapat berniaga secara sah di tapak lebih formal dan teratur.

Usaha yang dilaksanakan melalui Program Lestari Niaga ini menyaksikan banyak kawasan niaga ditambah baik dan dinaik taraf. Matlamatnya agar kawasan tersebut lebih berseri, segar dan menyerlah, menceriaan peniaga dan pengunjung.

Harapan kawan-kawan Kedai Kopi, setelah diberi pelbagai kemudahan bagi memajukan perniagaan, penjaja dan peniaga mesti berusaha bersungguh-sungguh memajukan diri.

Azam tahun baharu

HARI ini Jumaat 3 Januari 2025 bermakna sudah tiga hari kita memasuki tahun baharu 2025. Sungguh pantas masa berlalu.

Semoga tahun baharu akan membawa lebih banyak kejayaan dan kegembiraan.

Kita semua perlu bersyukur dengan limpah kurnia Allah yang masih memberi kita peluang bernafas serta diberi kesihatan yang baik menjalani kehidupan seharian dalam negara yang aman damai.

Menyingkap fajar tahun baharu, barangkali elok kita renung kembali prestasi diri sepanjang tahun lalu. Kepada yang menanam azam, adakah ia telah dicapai,

separuh dicapai atau sekadar tinggal azam semata-mata?

Azam memerlukan komitmen tinggi untuk dicapai. Jika sekadar berderet menyenaraikan apa yang hendak dilakukan, tetapi tidak pun berusaha merealisasikan, azam itu hanya seperti mimpi mainan tidur yang akan hilang apabila terjaga.

Tahun baharu mendatang, azam lain pula ingin digapai. Akhirnya terlalu banyak azam ‘tertunggak’ dan tidak lagi relevan dengan peredaran masa. Oleh itu, biar sedikit azam tetapi mampu dicapai berbanding banyak azam tetapi terbelengkalai.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkesempatan mengadakan mesyuarat bersama Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) selain turut disertai Pegawai Daerah dan Ketua Polis Daerah Langkawi.



YANG di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan isteri, Toh Puan Fauziah Mohd Sanusi melawat Taman Tasik Titiwangsa yang turut di hadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) Datuk Noridah Abdul Rahim dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif.



MENTERI Pendidikan, Fadhina Sidek menyampaikan mock cheque berjumlah RM55,500 kepada MPKK Sungai Duri bagi tujuan menaik taraf dan memasang penghadang di sekeliling Dewan MPKK Sungai Duri.


 SEMINGGU


MENTERI Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menghadiri Program Kem Kesihatan di Dewan SJK (C) Ijok bersama-sama warga Ijok, Kuala Selangor.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa memenuhi undangan Badan Pemufakatan Pendidikan (MUFAKAT) MARA Malaysia ke Majlis Solat Hajat dan Bacaan Yaasin Perdana SPM 2024 MRSM Se-Malaysia di Masjid Negara.



MENTERI Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz bersama Skuad Ihsan MADANI MITI berkongsi mainan Lego dengan 150 anak-anak di Kompleks Rawatan Ibu dan Bayi, Hospital Tunku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang.



Pembiayaan Peribadi-i



Ahli kumpulan MBSB Group

RASAI KETENANGAN

Pengalaman baru bersama kami

Penangguhan Bayaran
3 Bulan

Kadar Pembiayaan Serendah
2.96%
Setahun

Pembiayaan Sehingga
RM 400,000



GANJARAN EMAS UNTUK DIMENANGI. TEMPOH TERHAD, MOHON SEKARANG!

Peringkat	Peringkat 1	Peringkat 2	Peringkat 3
Hadiah	0.25g x300	0.50g x390	1.00g x480
Jumlah Pembiayaan	RM100,000 - RM199,999	RM200,000 - RM299,999	RM300,000 dan ke atas



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut dan hantar permohonan anda melalui



Tertakluk kepada Tema dan Syarat

SENTIASA MENGIRINGI ANDA



Pembangunan infrastruktur seiring peningkatan ekonomi

CATAT PENCAPAIAN DRASTIK

KHAIRUL IDIN

PEMBANGUNAN infrastruktur demi kesejahteraan warga pulau ini antara keutamaan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** dalam memacu semula pembangunan Labuan menerusi sektor ekonomi, sosial dan pelancongan.

Zaliha berkata, beliau melihat Labuan memiliki potensi tersendiri yang boleh dimanfaatkan dan dibangunkan agar tidak ketinggalan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Bagi saya sebagai memegang portfolio menteri yang bertanggungjawab menjaga ketiga-tiga Wilayah Persekutuan, tidak menafikan bahawa Labuan agak ketinggalan dari segi pembangunan infrastrukturnya.

"Namun saya sendiri melihat perkara itu sebagai satu cabaran yang perlu digalas dan perlu melakukan perubahan yang boleh memacu pulau ini.

"Dalam tempoh setahun ini, saya melihat banyak pencapaian yang dilaksanakan dalam menuju ke arah yang diinginkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim," katanya dalam slot Bicara Yang Berhormat Dr Zaliha Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) di LabuanFM, baru-baru ini.

Menurutnya, antara usaha yang telah dilaksanakan adalah menerusi penubuhan tiga pasukan khas yang menumpukan kepada pelancongan, pemindahan kargo dan pembangunan infrastruktur termasuk Projek Jambatan (Labuan-Menumbok).

"Pasukan ini giat merancang usaha untuk menjadikan



SEJAK sekian lama, perkhidmatan feri RoRo merupakan nadi pengangkutan yang terpenting sebagai penghubung Pulau Labuan dengan tanah besar Sabah.

Labuan sebagai destinasi utama pelancongan dan perniagaan. Dengan usaha pasukan khas ini telah menunjukkan beberapa peningkatan khususnya pasukan khas pelancongan yang telah

mencatatkan rekod peningkatan jumlah pengunjung sebanyak 92.5 peratus daripada 191,776 pengunjung pada 2023 berbanding 369,105 pengunjung bagi tahun 2024.

"Dengan rekod itu, ini adalah satu pencapaian drastik yang mengagumkan dan turut mendapat maklumat persatuan perniagaan di Labuan yang memaklumkan bahawa sektor ekonomi di pulau

ini menunjukkan peningkatan berbanding dahulu berdasarkan daripada peningkatan jumlah pengunjung ke Labuan," katanya.


Mengulas lanjut, Zaliha turut memaklumkan antara usaha lain yang sedang dilaksanakan termasuklah kerja-kerja pembaikan sistem dan saluran air paip sepanjang 106.7 kilometer yang memabitkan peruntukan sejumlah RM454.88 juta dan sebanyak 37 kilometer yang telah siap pada Jun lalu manakala selebihnya dijangka siap pada suku pertama tahun depan.

Katanya, dengan langkah yang dilaksanakan itu mampu mengatasi isu gangguan bekalan air yang dihadapi oleh penduduk Labuan.

Ujar beliau, berdasarkan maklum balas orang ramai, gangguan bekalan air dan elektrik telah berkurangan dengan ketara dan pencapaian ini adalah daripada hasil peruntukan yang diluluskan tahun lalu sejumlah RM300 juta bagi mengatasi masalah tersebut.

"Selain itu, kami turut menyalurkan bantuan sebanyak 1,000 buah tangki air kepada penduduk yang mengalami gangguan bekalan air dan kami juga menerima permintaan agak tinggi, kami akan cuba susuli untuk dipertimbangkan demi kesejahteraan penduduk," ujarnya.

Dr Zaliha berkata, kerajaan turut memberi fokus terhadap pembinaan Jambatan Labuan-Menumbok (Sabah) sebagai satu pencetus perubahan sosioekonomi di Labuan.

"Kerajaan telah bersetuju memperuntukkan sejumlah RM3 juta di bawah Belanjawan 2025 bagi kajian kebolehlaksanaannya," katanya. 

502 operasi banteras PATI

DALAM usaha menangani lambakan pendatang asing tanpa izin (PATI) di pulau ini, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Labuan berjaya melaksanakan sebanyak 502 operasi sejak Januari hingga Disember 2024 yang memabitkan pemeriksaan ke atas 2,163 individu.

Menurut Pengarah JIM Labuan, **Raymond Entalai**, seramai 111 PATI dan 20 majikan ditahan atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Seksyen 55E Akta Imigresen 1959/63.

Katanya, setakat ini seramai

73 PATI didakwa di mahkamah manakala dua warga asing telah diusir balik ke negara asal.


"Usaha dalam membanteras PATI di Labuan akan dipertingkatkan dan ia menjadi keutamaan JIM Labuan," katanya.

Dalam pada itu, Raymond turut menegaskan tidak akan berkompromi dengan mana-mana warganegara asing yang masuk dan tinggal di negara ini tanpa pas yang sah, menyalahgunakan pas serta kemudahan yang diberikan.

Katanya, tindakan pendakwaan juga akan dikenakan terhadap mana-

mana majikan atau pemilik premis yang menggaji warganegara asing tanpa dokumen perjalanan dan pas yang sah di bawah Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155).

"JIM Labuan menasihatkan para majikan supaya mengambil warganegara asing untuk bekerja di negara ini dengan mengikuti saluran berlandaskan undang-undang yang telah ditetapkan," katanya.

Sehubungan itu, JIM Labuan menyeru orang ramai untuk bersama-sama memberikan sebarang maklumat atau aduan menerusi talian **087-421 296** atau sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) di pautan berikut <https://imi.spab.gov.my/eApps/system/index.do> ataupun melalui e-mel pro_labuan@imi.gov.my. 



RAYMOND

Kerja selenggara paip capai 54%


SEBANYAK empat projek jangka pendek dan *one-off* Jabatan Bekalan Air Labuan yang dijadualkan siap pada Mei 2025 kini mencapai kemajuan 54 peratus (%) bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan paip usang.

Jabatan Bekalan Air (JBA) Labuan dalam satu kenyataan baru-baru ini memaklumkan, empat projek yang melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Pagar dijangka siap mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Manakala baki empat projek mencapai varian negatif dua hingga sembilan peratus mendahului jadual antaranya kerja-kerja penggantian sistem pam, pembaikan kelengkapan mekanikal dan elektrik, baik pulih

tangki serta penyelenggaraan dan pembaikan yang memabitkan beberapa lokasi operasi bekalan antaranya di Stesen Pam Pulau Enoe, IPS Bukit Kalam, Kerupang, Rumah Pam Arsat selain LRA Lawa Gadong, Beaufort, Sabah.

"Tiga projek pembinaan melibatkan peruntukan hampir RM102 juta sedang dijalankan melibatkan naik taraf sistem agihan dan penggantian paip sepanjang 36.5 meter," jelasnya.

Dalam perkembangan sama, JBA turut memaklumkan gangguan bekalan air akan terus dihadapi secara berterusan susulan daripada kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan yang sedang giat dilaksanakan sehingga projek tersebut siap pada Mei 2025. 

SRVM Plus memudahkan usaha jaga alam

GALAK BUDAYA KITAR SEMULA

SABRINA SABRE

DALAM usaha memastikan kebersihan alam sekitar sentiasa bersih dan terjamin, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) memperkenalkan Smart Reverse Vending Machine (SRVM) Plus bagi membantu masyarakat di pusat pentadbiran kerajaan itu mengamalkan budaya kitar semula.

Menurut Pengarah Bahagian Kesihatan Persekitaran, Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj, **Dr Mohd Helmi Abdul Hamid**, SRVM Plus merupakan satu daripada teknologi hijau baharu yang diperkenalkan di Putrajaya.

“Objektif utama pengenalan mesin layan diri ini adalah untuk mengurangkan pembuangan botol plastik dan tin aluminium, menjana kitaran ekonomi melalui aktiviti kitar semula dan menyediakan persekitaran yang bersih dan kondusif terutamanya di kawasan tumpuan pelancong.

“Matlamat jangka panjang pula adalah untuk mewujudkan infrastruktur kitar semula yang kukuh dan mudah diserap dalam kehidupan harian sekali gus membina ekonomi kitaran yang lestari di seluruh Malaysia,” katanya.

Dalam masa sama, beliau berkata mesin berkenaan merupakan mesin layan diri pertama yang diwujudkan di Putrajaya.

“Buat masa ini satu unit



PROJEK SRVM Plus diletakkan di Kompleks PPj bagi kegunaan orang ramai.

telah ditempatkan di Kompleks Perbadanan Putrajaya dan akan diperlukan di beberapa lokasi terpilih.

“SRVM Plus merancang untuk memasang 50 mesin di Putrajaya dan Cyberjaya melalui kerjasama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan PPj.

“Pengembangan lanjut akan dilakukan ke kawasan awam seperti pusat membeli-belah, hospital dan dewan komuniti,” katanya.

Selain itu, Helmi berkata, SRVM Plus sedang bekerjasama dengan pemilik jenama untuk memastikan botol PET yang dikitar semula digunakan dalam produk baharu.

“Kerjasama ini akan

menggalakkan syarikat melabur dalam pembungkusan yang lebih lestari dan menyumbang kepada proses pengumpulan dan kitar semula.

“Sebagai permulaan, mesin layan diri ini akan ditempatkan di Kompleks PPj dan pengguna yang menggunakan mesin tersebut akan mendapat mata (*point*) yang boleh

ditukarkan kepada nilai wang ringgit serta air mineral secara percuma.

“Setiap botol plastik atau tin aluminium yang dikitar semula akan dibayar secara kredit ke dalam akaun aplikasi SRVM dengan kadar maksimum sebanyak RM0.05 bagi setiap unit.

“Pengguna hanya perlu mengimbas kod QR daripada aplikasi yang dimuat turun dalam telefon pintar masing-masing dan memasukkan barang kitar semula untuk mendapatkan bayaran,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, PPj juga akan memperkenalkan teknologi itu dengan lebih meluas di kawasan lain.

“Saya yakin bahawa usaha PPj itu akan menjadikan Putrajaya sebagai bandar rendah karbon sekali gus menggalakkan rakyat membudayakan amalan kitar semula.

“Orang ramai yang ingin merasai pengalaman menggunakan mesin kitar semula pintar dan bersih tersebut boleh hadir ke Kompleks Perbadanan Putrajaya untuk mencuba mesin SRVM berkenaan.

“Jom kumpul mata ganjaran melalui program ini dan tebus air minuman secara percuma. Muat turun aplikasi SRVM Plus sekarang bagi menyokong usaha kitar semula di Putrajaya,” katanya. 📱

Terapi sambil berbasikal

PUTRAJAYA merupakan salah satu lokasi paling sinonim dalam kalangan peminat sukan berbasikal.

Selain untuk kesihatan tubuh badan, berbasikal sambil melihat keindahan panorama indah di sekeliling dapat menenangkan fikiran.

Sehubungan itu, bagi merencanakan aktiviti berbasikal, Perbadanan Putrajaya (PPj) mengambil inisiatif menganjurkan Putrajaya Inter-Park Ride (PIPR) 2025 pada 9 Februari ini bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3.

Menurut Presiden PPj, **Datuk Fadlun Mak Ujud**, program yang bermula dari pukul 7 hingga 11 pagi itu dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat ke atas penggunaan taman untuk kegiatan fizikal, terapi tekanan dan menyembuhkan penyakit, selain menjadi tempat bagi komuniti dewasa dan kanak-kanak berinteraksi serta meneroka kekayaan alam sekeliling dengan berkonsepkan ‘Healthy Park, Healthy People’.

“Dalam masa sama ia juga diadakan bertujuan merencanakan industri pelancongan di Putrajaya melalui pelancongan sukan berkonsepkan *fun ride* dengan jarak sejauh 20 dan 40 kilometer (km).

“Yuran pendaftaran akan



PROGRAM Putrajaya Inter-Park Ride edisi lalu terima sambutan menggalakkan.

dikenakan sebanyak RM45 (kategori 20km) dan RM55 (kategori 40km).

“Penyertaan terbuka kepada peserta berusia 12 tahun ke atas,” ujarnya.

Dalam pada itu, Fadlun berkata PIPR bukan sahaja mempromosikan gaya hidup sihat, malah membuka peluang kepada peserta untuk berkongsi pengalaman mereka di media sosial.

“Penganjuran PIPR ini adalah merupakan platform untuk warga Putrajaya dan orang ramai mengamalkan gaya hidup sihat sekali gus dalam usaha

merealisasikan aspirasi C.H.A.S.E City khususnya dalam bidang *Healthy City*.

“Dalam masa sama, peserta yang terlibat turut menjadi duta kecil dalam memperkenalkan Putrajaya ke peringkat global dengan mempromosikan lokasi rekreasi serta budaya tempatan,” ujar beliau.

Buat mereka yang berminat, sila layari laman sesawang <https://red-adventure.com/pipr/> untuk mendaftar. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh hubungi di talian **016-352 3653**. 📞

Bina komuniti sihat

KESIHATAN rakyat adalah aset utama negara dan hanya melalui masyarakat yang sihat, Malaysia dapat berkembang sebagai sebuah negara yang progresif, sejahtera, harmoni dan berdaya tahan.

Sehubungan itu, Program Komuniti Sihat Sejahtera dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran kesihatan yang menyeluruh dalam kalangan komuniti merangkumi aspek fizikal, mental, emosi dan spiritual.

Ketua Jururawat Klinik Kesihatan Presint 11, Putrajaya, **Raslinaly Ramly** berkata, penganjuran program ini diharap dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan menjaga kesihatan.

“Dengan memahami dan mengamalkan gaya hidup sihat, komuniti dapat mencapai kesejahteraan lebih baik dan menjalani kehidupan berkualiti,” ujarnya.

Menurut beliau, program anjuran pelajar Sarjana Muda Kejururawatan (Separuh Masa) dari Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Selangor, Cawangan Puncak Alam ini adalah julung kali diadakan bersama komuniti di Putrajaya.

“Ini merupakan satu langkah

inovatif bagi pelajar melibatkan diri secara langsung dalam program kesihatan komuniti, sekali gus mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam situasi sebenar.

“Selain itu institusi pendidikan seperti Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 11 (3) turut mengambil bahagian dalam program persembahan oleh para pelajar.

“Kehadiran pelajar dan guru bukan sahaja membantu dalam penyebaran maklumat kesihatan, tetapi memberikan pengalaman pembelajaran bermakna bagi semua yang terlibat.

“Kerjasama antara pelbagai agensi seperti klinik kesihatan, jabatan kerajaan dan komuniti setempat adalah kunci kejayaan program ini. Dengan sokongan daripada pihak berwajib dan penyertaan aktif komuniti, program ini dapat dijalankan dengan lebih efektif.

“Penyertaan terbuka kepada semua lapisan masyarakat serta kanak-kanak berusia lima hingga 12 tahun.

“Pelbagai aktiviti menarik diadakan termasuk sesi pendidikan kesihatan mengenai kanser, demonstrasi pertolongan cemas, pemeriksaan payudara dan saringan kesihatan,” katanya. 📱

Lakar kejutan muncul juara keseluruhan di Qatar

ATLET SILAMBAM CEMERLANG

SABRINA SABRE

PASUKAN silambam Malaysia melakar kejutan apabila berjaya merangkul 12 pingat emas sekali gus muncul juara keseluruhan di Kejohanan Silambam Terbuka Asia di Qatar baru-baru ini.

Presiden Persatuan Silambam Malaysia, **Dr M Suraess** berkata, enam atlet negara mempamerkan aksi cemerlang dengan masing-masing menyumbangkan dua emas menerusi kategori kemahiran individu dan tempur di Kompleks Sukan Doha.

Pemenang pingat emas itu terdiri daripada Prakash dalam kategori lelaki terbuka melebihi 60 kilogram (kg), Shastivena untuk kategori perempuan bawah 17 tahun (55kg-65kg) serta Leenasree (30kg-40kg), Kavithira (45kg-55kg), Darnisha (55kg-65kg) dan Ranishaa (melebihi 70kg) dalam kategori perempuan bawah 15 tahun.

Suraess berkata, tuan rumah Qatar dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) masing-masing menamatkan kejohanan di tempat kedua dan ketiga.

"Kita mencipta sejarah dengan memenangi gelaran juara keseluruhan. Enam atlet kita yang pernah memenangi pingat di Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak pada Ogos lepas turut mengambil bahagian.



PASUKAN silambam Malaysia merangkul 12 pingat emas Kejohanan Silambam Terbuka Asia di Qatar.

"Ia membuktikan keupayaan atlet untuk bersaing di pentas antarabangsa meskipun berdepan saingan negara yang lebih berpengalaman," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Beliau berkata, pihaknya berbangga dengan pencapaian ditunjukkan para atlet terbabit biarpun baru pertama kali menyertai

kejohanan berkenaan dengan sasaran awal hanya enam emas.

"Mereka bertanding dengan baik di Qatar dan kita tidak menjangkakan atlet akan dapat semua emas dan muncul juara keseluruhan kerana kita sasar enam sahaja tapi dapat 12, iaitu dua kali ganda daripada sasaran.

"Seperti kita tahu, India


merupakan nama besar dalam sukan silambam dan mempunyai ramai pemain hebat, begitu juga Qatar, ramai penyokong mereka hadir malah saingan juga sengit, tetapi atlet kita telah mempamerkan persembahan luar biasa. Biarpun ada dua atlet mengalami kecederaan, tapi mereka berjaya mengatasi kesakitan dan mendapatkan mata

seterusnya menang," katanya.

Suraess berharap prestasi baik itu akan diteruskan pada Kejohanan Silambam Terbuka Antarabangsa tahun depan dengan Pulau Pinang dijadualkan menjadi tuan rumah dan disertai kira-kira 12 negara, termasuk Eropah seperti Switzerland, Jerman dan United Kingdom.

Sementara itu, jurulatih pasukan, P Raveendran berkeyakinan anak didiknya mempunyai masa depan cerah dalam sukan berkenaan memandangkan kebanyakan mereka masih muda selain berpotensi untuk berkembang sekiranya mereka terus mempamerkan prestasi cemerlang di samping mengekalkan disiplin.

Bagaimanapun, mereka masih memerlukan lebih banyak pendedahan dan latihan bagi memperkukuhkan lagi kemahiran serta mengatasi rasa gugup terutama ketika berdepan dengan lawan yang mempunyai fizikal lebih besar.

"Untuk kejohanan ini, kita hanya ada masa dalam dua, tiga bulan saja untuk buat persediaan sebab sebelum ini kita beri fokus kepada SUKMA dan kejohanan antarabangsa di Sepang. Kita gunakan kesempatan itu untuk berlatih," katanya. 

MSN lulus 33 pemain sepak takraw

MAJLIS Sukan Negara (MSN) telah meluluskan seramai 33 pemain sepak takraw bagi Program Podium 2025, sebagai persediaan menghadapi beberapa kejohanan dan temasya penting dalam tempoh dua tahun akan datang.

Setiausaha Agung Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM), **Datuk Abdullah Salleh** berkata, kesemua 21 atlet lelaki dan 12 atlet wanita itu dijadualkan untuk melapor diri di MSN pada 2 Januari lalu.

PSM sebelum ini memohon kepada MSN untuk mempertimbangkan peningkatan kuota pasukan lelaki daripada 18 orang kepada antara 21 hingga 24 atlet.

"Sesi pemilihan dan pemantauan telah dijalankan oleh barisan kejurulatihan skuad kebangsaan berdasarkan prestasi semasa atlet ketika Kejohanan Piala Emas Khir Johari 2024, Sepak Takraw League (STL) dan Piala Tun Ali 2024 untuk pasukan lelaki.

"Bagi skuad wanita, pemilihan dilakukan semasa Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak, Piala Tun Ali 2024 serta sesi pemilihan yang berlangsung dari 9 hingga 13 Disember di MSN Bukit Jalil," katanya dalam satu kenyataan




PASUKAN negara bakal menghadapi cabaran besar pada tahun 2025 dan 2026.

baru-baru ini.

Antara cabaran utama yang bakal ditempuhi oleh pasukan kebangsaan adalah Sukan SEA Thailand pada Disember depan, Piala Asia 2025, Kejohanan Sepaktakraw Piala Raja Thai 2025 dan Sukan Asia Aichi-Nagoya 2026 di Jepun.

Berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh PSM, skuad lelaki dibarisi oleh tujuh tekong termasuk

Mohammad Syahir Mohd Rosdi, lapan apit kanan dan enam apit kiri manakala pasukan wanita terdiri daripada masing-masing empat tekong, apit kanan dan apit kiri.

Sebanyak 10 pingat emas akan dipertaruhkan dalam acara sepak takraw (termasuk chinlone) di Sukan SEA 2025, sementara lapan pingat emas menjadi sasaran di Sukan Asia 2026. 

Petarung Malaysia unggul kejohanan Muay Thai

EMPAT atlet Muay Thai profesional Malaysia mengungguli Kejohanan Muay Thai Rentap Night Pandan MADANI 2024 setelah meraih tiga dari lima tali pinggang dan satu piala yang ditawarkan.


Pada aksi yang berlangsung di Kompleks Muhibbah Taman Nirwana, Ahad lalu, tiga tali pinggang itu diraih Fuad Izuan, Muhammad Aiekal Asyraf Muhammad Jamil dan Putra Farez, masing-masing menerusi kategori 58, 59 dan 60 kilogram (kg).

Sementara itu, seorang lagi petarung profesional Malaysia, Muhammad Iqbal Daniel Khairudin berjaya membawa pulang piala kategori 52kg selepas menumbangkan rakan senegara, Nur Muhammad Hayul.

Selain Malaysia, petarung dari Iran dan Kemboja juga cemerlang selepas masing-masing membawa pulang satu tali pinggang.

Atlet Iran, Sahoo Gheisan berjaya menumbangkan lawannya dari Kemboja, Um Cham Voeum untuk membawa pulang tali pinggang bagi kategori 70kg antarabangsa.

Dalam pada itu, seorang lagi atlet Kemboja, Pong Pisith memastikan negaranya tidak pulang dengan tangan kosong apabila memenangi kategori 60kg antarabangsa selepas menewaskan wakil Malaysia, Thinaharan.

Terdahulu, kejohanan itu dirasmikan Setiausaha Politik Menteri Kewangan, Muhammad Kamil Abdul Munim. 

IBU BAPA PENGUAT SEMANGAT ANAK

DEEL ANJER

MINGGU ini peperiksaan bertulis Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula dan akan berakhir pada 6 Februari depan.

Di saat begini, kebiasaannya ibu bapa biasanya lebih gemuruh berbanding anak-anak. Tambahan pula SPM merupakan antara penentu hala tuju masa depan anak-anak.

Namun, jangan pula kerana tekanan yang kita rasakan dan harapan yang kita letakkan terhadap seorang anak, membuatkan kita kelam-kabut hingga lupa apa yang patut dilakukan ketika mereka menghadapi peperiksaan.

Bukan sahaja ibu bapa, anak-anak juga sebenarnya bimbang. Mungkin ada antara mereka tidak menunjukkan kebimbangan tetapi ia dapat dilihat dari segi perubahan sikap dan tingkah laku mereka.

Bagi selebriti popular Amy Mastura, Siti Saerah serta Khai dan Rosma, ibu bapa memainkan peranan penting dalam tempoh anak-anak menduduki peperiksaan.



Khai, Rosma ambil cuti, luangkan masa

PASANGAN selebriti, Khai dan Rosma berpendapat bagi ibu bapa yang sibuk dengan kerja, eloklah mengambil cuti untuk fokus kepada anak yang bakal menduduki peperiksaan.

Menurut Rosma, masa cuti itu adalah tanda sokongan kepada anak yang sedang berjuang dalam peperiksaan.

"Jika selama ini ibu bapa sibuk dengan kerja, kalau boleh ambillah cuti sekejap dan luangkanlah masa bersama anak-anak.

"Inilah masanya untuk ibu bapa berikan dorongan yang tidak berbelah bahagi kepada anak yang bakal menduduki peperiksaan.

"Apabila cuti diluluskan, usahakanlah untuk hantar sendiri anak ke sekolah pada hari peperiksaan tersebut. Sepanjang perjalanan terus berikan kata-kata perangsang dan nasihat kepadanya.

"Ingatkan anak sekali lagi bahawa kita tidak pentingkan apa sekalipun hasil yang dia perolehi, yang penting dia telah pun memberikan usaha yang terbaik. Apa sahaja keputusannya kita terima dan bersyukur," katanya.

Bagi Khai pula, dia menggunakan waktu cuti untuk aktiviti solat hajat dan berdoa bersama anak-anak.

"Guna peluang ini untuk kita luangkan lebih banyak masa berdoa untuknya agar dipermudahkan urusan anak menjawab setiap soalan, diberikan ketenangan dan diterangkan hati.

"Berdoalah dengan suara yang jelas agar didengar oleh anak dan biarlah dia aminkan doa kita itu. Biar anak menyedari yang kita sering membuat solat hajat dan berdoa untuknya.

"Apa yang kita lakukan itu akan membuatkan anak rasa lebih dihargai dan tahu yang kita sentiasa mendoakannya," tambahnya lagi. 📌



Jangan bagi tekanan

BAGI Siti Saerah pula, anak-anak pasti berhadapan tekanan sama ada kecil atau besar ketika menduduki peperiksaan.

"Setiap kali peperiksaan, anak-anak pasti alami tekanan. Sebagai ibu, kena fahami situasi mereka. Jangan sesekali bagi tekanan sebaliknya berikanlah semangat agar mereka kekal tenang.

"Apabila kita tenang atau sejukkan hati mereka, ini sedikit sebanyak buat mereka lega dan boleh jawab peperiksaan dengan seronok dan tidak stres.

"Nak bagi semangat lagi, saya selalu masak nasi goreng kegemaran mereka, jadi bolehlah jawab periksa dengan tenang," katanya.

Saerah juga akui tidak mahu anak rasa tertekan dengan peperiksaan sebaliknya sentiasa meyakinkan mereka buat yang terbaik dan sekadar kemampuan mereka.

"Pelajaran itu penting, namun janganlah ditekan anak itu sehingga menjadikan mereka stres. Elakkan perkara itu.

"Sebagai ibu, kita mesti peka terhadap perubahan ini dan cuba sedaya upaya mengurangkan tekanan itu dengan lebih memahami mereka.

"Nyatakan kepada mereka dengan jelas, apa yang kita harapkan daripada mereka hanyalah melakukan yang terbaik mengikut kemampuan diri mereka.

"Jelaskan juga kepada mereka bahawa kecemerlangan akademik bukan hanya satu-satunya syarat bagi mereka hidup cemerlang di dunia Allah ini.

"Ramai mereka yang gagal dalam pelajaran tetapi berjaya dalam bidang yang diceburi seperti sukan, nyanyian, muzik, seni, lakonan, perniagaan dan lain-lain.

"Jadi, apabila tinggal beberapa hari lagi menjelang peperiksaan, elakkan menyuruh mereka menjawab terlalu banyak soalan yang tidak diketahui penyelesaiannya kerana ini akan membuatkan mereka rasa tidak bersedia," tambahnya lagi. 📌

Doa ibu mustajab

PELANTUN lagu Jawapan Kasih dan Sha Na Na, **Amy Mastura** akui banyak menghabiskan masa bersama anak-anak dalam tempoh mereka menghadapi peperiksaan.

Bagi Amy, peranan dan doa ibu bapa sangat penting sebagai mengiringi semangat anak-anak.

"Setiap peperiksaan sama ada kecil atau besar, bagi saya semuanya penting. Ia menilai dan menentukan sejauh mana kemampuan anak kita dalam pelajaran. Dari situ juga kita dapat lihat kecenderungan minat mereka.

"Sebagai ibu, doa ibu itu sangatlah penting terutamanya apabila anak bakal duduki peperiksaan. Setelah mereka berusaha, kita perbanyakkan doa, mohon kepada Allah agar anak-anak diberikan kesihatan dan dipermudah segala urusan.

"Doa adalah senjata buat orang-orang beriman manakala doa ibu bapa kepada anaknya merupakan salah satu doa yang mustajab.

"Justeru, ketika anak menghadapi situasi genting dan mencabar seperti peperiksaan, angkatlah tangan berdoa mohon Allah permudahkan urusan.

"Insya-Allah, anak-anak akan dapat menjawab dengan tenang, menepati kehendak soalan dengan mudah," katanya.

Selain itu, Amy juga tidak lupa menyediakan sarapan untuk anak-anak sebelum masuk dewan peperiksaan.

"Biasanya saya sediakan sarapan kegemaran mereka iaitu telur setengah masak dan terus Bismillahitawakal tu alallah.

"Kita sudah berusaha, anak pun dah berusaha, yang lain serahkan kepada Allah," ujarnya lagi.

Perkembangan tentang kerjaya, lakonan Amy Mastura dalam drama bersiri Berbahagi Suami sedang disiarkan di Astro Prima. Pelakon lain yang turut terlibat ialah Amar Baharin, Siti Elizad, Riz Amin, Sharifah Husna dan ramai lagi. 📌

